AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 36 | RABU 4 SEPTEMBER, 1985. | رابو 18 ذوالحجه 1405 | PERCUMA

JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN
DEPARTMENT OF BROADCASTING AND INFORMATION
BRUNEI DARUSSALAM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan muhibah Duli Yang Maha Mulia Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev di Istana Nurul Iman. Gambar oleh Ak. Abu Bakar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan menerima kunjungan muhibah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Aishwarya Rajya Laxami Devi Shah di Istana Nurul Iman. Gambar oleh Ak. Abu Bakar.

# RAJA NEPAL ADAKAN LAWATAN TIDAK RASMI

**Oleh Ahat Ismail**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan menerima kunjungan muhibah Duli Yang Maha Mulia Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Aishwarya Rajya Laxmi Devi Shah, dari Negara Nepal di Istana Nurul Iman di sini, Sabtu lalu.

Berangkat sama ke Istiadat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Sejurus selepas itu Duli Yang Maha Mulia Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Aishwarya Rajya Laxmi Devi Shah juga mengadakan kunjungan muhibah ke hadapan majlis Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat ke Istiadat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Maha Mulia Raja dan Permaisuri Negara Nepal itu berangkat tiba ke negara ini dengan pesawat Penerbangan Diraja Nepal pada hari Jumaat lepas bagi lawatan tidak rasmi selama tiga hari ke negara ini.

Keberangkatan rombongan Diraja Negara Nepal itu dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Menyertai rombongan Diraja itu termasuklah Yang Teramat Mulia Puteri Sharada Rajya Raxmi Devi Shah dan Yang Berhormat, Ranadhir Subba, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Pelajaran dan Kebudayaan.

## TEMPAT KUNJUNGAN

Di hari kedua dalam lawatan tidak rasmi itu, rombongan Diraja Nepal telah melawat Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Kiulap.

Dalam lawatan itu pelawat Diraja itu telah dibawa mengunjungi ke beberapa bahagian kompleks rumah sakit itu serta berkesempatan beramah mesra dengan pesakit-pesakit.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima kunjungan muhibah Duli Yang Maha Mulia Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev pada Sabtu lalu di Istana Nurul Iman. Gambar oleh Ak. Abu Bakar.

## UCAPAN TERIMA KASIH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah Ibni Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, dengan amat sukacita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas ucapan-ucapan tahniah yang telah disembahkan di masa Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam selamat meluaran seorang puteri yang bernama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, pada hari Jumaat 23 Ogos, 1985 jam 1.55 pagi.

## Kebawah D.Y.M.M utus tahniah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah ke hadapan majlis Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj Yang Di-Pertuan Agong Malaysia dan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia bersempena dengan Hari Ulang Tahun Yang Kedua Puluh Lapan Hari Kebangsaan Malaysia pada 31 Ogos, 1985.

## MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA manusia itu bersifat gelisah. Bilamana bahaya datang menimpanya, dia berkeluh kesah. Dan bilamana ia mendapat kekayaan, amatlah bakhilnya. Kecuali ....... orang-orang yang mengerjakan sembahyang. Mereka tetap mengerjakan sembahyang."
— Makna ayat 19 — 23, Surah Al-Ma'arij.

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

4 SEPTEMBER, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SEKTOR PERTANIAN: PENINGKATANNYA BERKAIT RAPAT DENGAN PEMBANGUNAN

EKONOMI negara kita memang selama ini disandarkan kepada minyak mentah dan gas cecair asli. Dalam pada itu kita juga sentiasa mengambil perhatian yang amat berat bagi mempelbagaikan punca ekonomi negara dan salah satu daripadanya ialah meningkatkan sektor pertanian yang nanti akan dapat dijangka menjadi satu sektor yang dominan di negara ini seimbang dengan tuntutan aspek-aspek pembangunan lainnya.

Kita mempunyai tanah yang cukup untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian walaupun tanah yang terdapat di negara kita ini bukan yang terbaik di dunia akan tetapi mutu dan kesesuaiannya boleh ditingkatkan bagi penggunaan yang berkesan serta bermanfaat dengan adanya peluang-peluang memperolehi pengetahuan teknikal serta pengetahuan di bidang pertanian di dalam negeri di samping kesedaran bangsa kita terutama para belia kita untuk sama-sama menyiapkan diri sebaik-baiknya agar kita berjaya menjadi peladang atau penternak yang maju.

Kejayaan bangsa untuk mencapai cita-cita pembangunan, sebahagiannya berada di tangan belia peladang yang gigih dan maju yang setentunya jadi contoh untuk melanjutkan pembangunan di masa depan kerana sesungguhnya masa depan adalah kepunyaan para belia yang kebetulan di negara kita yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja ini para belia adalah merupakan jumlah penduduk yang agak besar.

Ke arah cita-cita ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Pertanian telah pun mengambil langkah-langkah yang wajar seperti menubuhkan Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang antaranya menawarkan kursus-kursus peladang muda, kursus pertanian, kursus teknik pertanian, kursus Diploma Kebangsaan Pertanian dan projek-projek pertanian serta penilaian. Dalam aspek ini, kejenteraan memainkan peranan yang penting yang melengkapkan spektrum kejuruteraan pertanian yang luas. Pendedahan pendedahan ilmu pengetahuan serupa ini adalah bagi mempersiapkan para belia yang berminat dalam sektor pertanian untuk menjadi peladang sepenuh masa dalam erti kata mereka harus menekuni bidang pertanian bukan setakat memenuhi masa atau sebagai kecenderungan semata-mata, akan tetapi sebagai sumber mata pencarian bagi kelangsungan kehidupan yang sejahtera di negara yang penuh kebajikan ini.

Di samping itu infrastruktur bagi meningkatkan hasil pertanian telah pun wujud di negara ini memandangkan kita mempunyai sistem jalan raya dan perhubungan yang baik bukan sahaja bagi membawa masuk keperluan-keperluan ladang bahkan bagi memasarkan hasil-hasil ladang tersebut. Tambahan pula Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun menyediakan beberapa insentif bagi meningkatkan hasil pertanian antaranya termasuklah kemudahan-kemudahan pinjaman dan subsidi-subsidi selain daripada mengadakan skim latihan bagi meningkatkan kemahiran tenaga di semua peringkat.

Kejayaan bangsa kita bagi menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang dominan di negara ini bukan diserahkan kepada usaha-usaha pihak kerajaan semata-mata. Akan tetapi ia memerlukan perubahan sikap serta haluan diri dari segi pendekatan kita terhadap sektor ini dalam erti kata kesediaan kita untuk menjadikan sektor pertanian sebagai perusahaan secara komersial dengan kesedaran bahawa sektor pertanian juga mempunyai pengaruh yang besar terhadap persediaan permakanan, perkembangan harga dan lain-lain lagi.

Kita tidak selama-lamanya akan menggantungkan sumber ekonomi negara pada minyak mentah dan gas cecair asli semata-mata. Akan tetapi demi ketahanan ekonomi dan demi kelangsung pembangunan, kita harus berusaha dengan penuh kesedaran untuk sama-sama meningkatkan sektor pertanian ini.

Kita berkeyakinan kita mampu mencapai cita-cita ini berasaskan kepada dukungan-dukungan dari pihak kerajaan yang berterusan di samping kesediaan serta kereiaan kita — kerelaan bangsa kita — untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian ini sebagai peladang penuh masa yang berdikari serta mempunyai motivation yang tinggi selain daripada kekuatan diri sendiri memecahkan persoalan serta cabaran-cabaran yang nanti dihadapi.



KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Menteri Pertahanan ketika menandatangani buku pelawat (gambar atas) dan menyaksikan peralatan yang terdapat di salah sebuah bahagian kapal.






KEBAWAH Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Menteri Pertahanan semasa berangkat melawat kapal layar Kri Dewaruci di Muara.

## TENTERA LAUT REPUBLIK INDONESIA LAWAT BRUNEI

Oleh Ahat Ismail
Gambar-gambar oleh
Ak. Abu Bakar PHO
Ak. Bahar PHO

MUARA. — Serombongan 138 orang anggota Angkatan Laut Republik Indonesia termasuk 58 orang pelatih kadet Akademi TNI Angkatan Laut (AAL) telah mengadakan kunjungan muhibah selama 4 hari ke negara ini minggu lepas.

Rombongan tersebut tiba ke negara ini dengan sebuah kapal layar Kri Dewaruci iaitu sebuah kapal yang dikhususkan bagi melatih kadet-kadet Angkatan Laut mengenai ilmu pelayaran.

Kapal Kri Dewaruci berukuran 58.9 meter panjang manakala lebarnya pula ialah seluas 9 meter dan telah mengadakan beberapa pelayaran ke negara-negara ASEAN serta rantau pasifik selatan dan barat.

Ketika berada di negara ini para pelawat tersebut telah mengadakan beberapa siri lawatan ke tempat menarik di samping mengadakan persembahan permainan pancaragam bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien di sini.

Dalam pada itu, semasa berada di negara ini kapal Kri Dewaruci telah juga dibukakan bagi kunjungan orang ramai.

Dengan kunjungan tersebut orang ramai sekurang-kurangnya akan dapat mengetahui pelbagai perkembangan dan fungsi kapal tersebut terutama dalam memberikan latihan kepada rekrut Angkatan Laut.

Di samping menerima lawatan-lawatan orang ramai, kapal Kri Dewaruci juga telah dikunjungi oleh Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam.

Lawatan muhibah pertama yang dilakukan oleh kapal tersebut antara lain bertujuan bagi memupuk tali silaturahim di antara kedua negara.

Melalui lawatan tersebut sudah tentu akan meningkatkan lagi rasa persefahaman di kalangan Angkatan Bersenjata terutama ke arah menjalinkan hubungan serantau sebagai anggota Negara-Negara ASEAN.



BEGINI bentuk kapal layar Angkatan Laut Republik Indonesia Kri Dewaruci.

## BERKURSUS DI KL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai Jabatan Perkhidmatan Pos kini sedang mengikuti berbagai kursus di Kuala Lumpur.

Awang Abdullah bin Damit akan mengikuti Kursus Penyelia, sementara Awang Abd Ghani bin Berudin dan Awang Said bin Selamat mengikuti Kursus Posmen.

Mereka menjalani kursus tersebut di Institut Latihan Pos, Medan Tuanku Kuala Lumpur, Malaysia selama empat minggu. Selepas itu mereka akan mengikuti kursus selama dua minggu di Pejabat-Pejabat Pos Kuala Lumpur. Kursus tersebut bermula pada 2 September dan akan berakhir 28 September ini.



SEKRETARIAT Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara ASEAN di Jakarta telah mengadakan satu majlis jamuan pada malam 8 Ogos yang lalu bertempat di Bangunan Sekretariat ASEAN di Jakarta, sebagai memperingati Hari Ulang tahun penubuhan ASEAN yang ke-18.

Gambar atas menunjukkan Tuan Yang Terutama Dr. Mokhtar Kusumaatmadja, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia sebagai tetamu kehormat dalam majlis itu bersama-sama dengan Duta Besar negara-negara ahli dalam ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN ketika mengadakan 'toast' demi kesepakatan dan kejayaan ASEAN.

# UPACARA PERINGATI HARI PERTUBUHAN ASEAN KE-18

JAKARTA. — Brunei Darussalam buat kali keduanya telah menyertai Upacara Mengingati Hari Pertubuhan Negara-Negara ASEAN ke-18 tahun pada hari Khamis, 8 Ogos lepas.

Upacara singkat di Bangunan ASEAN's Secretariat di Daerah Kebayoran di sini diadakan dengan menaikkan bendera keenam buah negara anggota, Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand serta Singapura.

Brunei Darussalam di upacara tersebut diwakili oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Indonesia, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Haji Jeludin bin Pengiran Mohd Limbang, serta isteri, Datin Hajjah Salmah binti Haji Hussein, Setiausaha-Setiausaha Kedutaan Brunei Darussalam ke Indonesia serta kakitangan-kakitangannya.

Upacara Memperingati Ulang Tahun ke-18 Penubuhan Negara-Negara ASEAN juga telah dihadiri oleh wakil-wakil dari kedutaan negara-negara anggota.

Acara seterusnya setelah menaikkan bendera negara-negara anggota ialah persembahan lagu-lagu tradisional dari keenam buah negara oleh Kumpulan TARAKANITA dari Indonesia. Mereka telah mempersembahkan lagu Dang Mengalai bagi Negara Brunei Darussalam.

Pada sebelah malamnya, satu majlis jamuan telah diadakan di Bangunan ASEAN's Secretariat di sini bersempena memperingati Hari ASEAN. Turut menghadiri majlis itu ialah Duta Besar Brunei Darussalam ke Indonesia serta pegawai-pegawai dan kakitangan kedutaan.

Juga bersempena dengan sambutan tersebut, Brunei Darussalam bersama negara-negara anggota juga telah ikut serta dalam Pameran Tenunan dan Anyaman Tradisional ASEAN yng diadakan di Muzium Fatahillah di Jakarta. Brunei Darussalam telah mempamerkan hasil pertukangan tangan dan kesenian orang-orang Brunei Darussalam seperti kain-kain tenunan dan anyaman. Pameran tersebut diadakan selama dua minggu.

Selain itu, Brunei Darussalam melalui Kedutaannya di sini juga turut mengambil bahagian dalam Sukan ASEAN antara Kedutaan dan negara-negara asing di sini. Perlawanan yang diadakan ialah seperti perlawanan tarik kalat, bulu tangkis dan sebagainya.

Setiausaha 2 Kedutaan Brunei Darussalam ke Indonesia, Awang Shofry Abd Ghafor berkata, penyertaan Brunei Darussalam dalam kegiatan seumpama itu adalah bagi mengeratkan hubungan Brunei Darussalam yang masih muda dalam pertubuhan tersebut dengan negara-negara ASEAN lainnya.



DALAM acara memperingati hari ulang tahun yang ke-18 Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) pada 8 Ogos 1985 yang lalu. Sekretariat ASEAN dengan kerjasama Kedutaan-Kedutaan Besar tiap-tiap negara ahli di Jakarta, telah mengadakan beberapa acara sukan dalam dan luar beberapa hari sebelum hari ulang tahun tersebut.

Gambar atas menunjukkan pasukan yang terdiri dari kakitangan keluarga Kedutaan Brunei Negara Brunei Darussalam di Jakarta bergambar bersama-sama dengan T.Y.T. Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin, Duta Besar Negara Brunei Darussalam, selepas selesai acara sukan.



ANTARA isteri-isteri dan kakitangan Kedutaan Brunei Darussalam ke Indonesia ketika menggayakan pakaian tradisional orang-orang Brunei, dalam Pameran Tenunan dan Anyaman, sempena Hari ASEAN.

# TEKNOLOGI PENDIDIKAN BARAT TIMBULKAN KEPINCANGAN — Awg. Haji Abd Saman

GADONG. — Pemangku Pengarah Pelajaran, Ustaz Awang Haji Abdul Saman bin Kahar menyatakan faktor kemanusian atau 'human factors' yang mempunyai ciri-ciri jasmaniah dan rohaniah keseluruhannya masih belum mempunyai tempat dalam 'Educational technology' atau teknologi pendidikan.

'Educational technology' atau teknologi pendidikan yang kita warisi dari Eropah itu katanya, pada keseluruhannya hanya menekankan faktor pendidikan di bidang pengajaran, pembelajaran dan pembentukan manusia secara am di mana menimbulkan kepincangan di bidang teknologi pembelajaran, disiplin, dan juga 'human factors' sendiri.

"Guru-guru dan para pelajar tidak dapat menangkap apakah hubungan 'human factors' itu di bilik-bilik darjah dan di luar darjah," jelasnya.

Beliau menambah, sejauh ini 'educational technology' tidak memberi kita satu model yang kukuh bagi menghadapi keadaan kemanusiaan yang semakin merosot.



PEMANGKU Pengarah Pelajaran Awang Haji Abdul Saman Kahar berucap sebelum merasmikan bengkel tersebut. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Bagi memperjelaskan maksud tersebut beliau memberikan perbincangan di mana ketika ini pengaruh dadah dan 'glue sniffing' atau menghidu gam masih dianggap sebagai satu krisis akhlak dan 'attitude' penuntut.

Pada hakikatnya kalaulah 'educational technology' mengambil berat akan 'human factors' itu beliau percaya lama sebelum itu dalam teknologi pendidikan akan terdapat satu kaedah bagaimana sebenarnya membasmi dadah atau 'glue sniffing'.

Dalam krisis itu jelasnya kita hanya bergantung kepada ceramah-ceramah daripada pihak-pihak lain untuk membasmi dadah dan menghidu gam, kerana guru-guru tidak pernah mendapat bekal apa sebenarnya 'educational technology', dan bagaimana menghadapi masalah sedemikian.

Berucap ketika merasmikan Bengkel Seminar Pemaduan Teknologi Pendidikan dan Perlaksanaan Kurikulum yang berlangsung di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah di sini, Ustaz Awang Haji Abd Saman mengatakan, "Kalaulah 'educational technology' itu memberikan kita bekal bahawa 'human factors' bermakna mendidik jasmaniah dan rohaniah para penuntut, saya percaya lama sebelum itu para penuntut telah faham bagaimana sebenarnya pembelajaran itu harus mereka laksanakan".

Beliau berkata hal tersebut menimbulkan keluhan dari kita bahawa 'spoon feeding' masih berlaku yang mana para penuntut hinggalah dewasanya masih mengharapkan bimbingan guru kerana mereka belum pernah dididekhan kepada teknologi pembelajaran.

Bengkel Seminar Pemaduan Teknologi Pendidikan dan Perlaksanaan Kurikulum selama tiga hari itu antara lain bertujuan mendedahkan pegawai-pegawai dan guru-guru tentang peranan teknologi pendidikan dan hubungannya dalam perlaksanaan kurikulum.

Selain dari itu ianya juga menyentuh beberapa aspek teknologi pendidikan, beberapa isu-isu tentang peranan penggunaannya serta penglibatan pentadbiran sekolah-sekolah.

Seramai 27 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai bahagian dalam Jabatan Pelajaran termasuk sekolah menengah dan maktab serta institut pendidikan menyertai bengkel tersebut.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menghadiri pembukaan rasmi. Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS......Siri ke-292



# PUAK BATINIYYAH

## Siri Ke-19

ORANG Batiniyyah mengajar pendakwah-pendakwah mereka cara helah bila pergi kepada orang-orang Islam, Yahudi, Nasrani, Sabi'en, Majusi dan Failasuf, maka tiadalah syak bahawa orang-orang yang tersebut tiada mengatakan ada batin bagi tiap-tiap zahir, hanya kamu sahaja yang bermegah dengan ada batin bagi tiap-tiap zahir dan kamu sahaja yang tahu akannya dan lain-lain puak dan ugama tiada tahu akannya dan Batiniyyah itu nama bagi orang yang mensabitkan ada batin bagi tiap-tiap zahir, dari itu tiada syak lagi tiada ada yang lain melainkan kamu sahaja yang memakai nama Batiniyyah itu.

Apatah lagi pada zaman ini tiada orang yang memakai batin melainkan kamu (bagaimana sekarang di sebelah ini ada puak-puak kufur memakai perkataan batin iaitu puak ajaran sesat dan salah), adapun ahli falsafah dan ahli tasauf ada juga kadang-kadang memakai batin, walaupun begitu tiadalah ulama yang mengkaji akan darihal puak-puak itu menyedarkan nama batin itu kepada mereka hanya disandarkan batin itu kepada kamu yakni puak Batiniyyah.

Setengah dari helah mereka, mereka berkata: Adakah boleh kamu menyaksikan dan menuduh bahawa kami sebagai orang Batiniyyah, dengan perkara yang tiada kamu dengar daripada kami, dan tiada kamu lihat daripada kami, maka jadilah saksi kamu itu ditolak pada syarak, dan segala apa yang kamu katakan kami berbuat kufur, maka semuanya balik kufur itu kepada kamu. Mereka bawa ayat-ayat al-Quran pada menyokong sangkal mereka. Kita jawab: 1. Barangkali kamu jahilkan darihal mazhab kamu dari apa yang telah sampai darjat ulama kamu, dan dari apa yang kamu akan jadi setelah kamu menjadi orang Batiniyyah, dan mereka telah sembunyikan daripada kamu dari apa yang terdedah pada mereka dari ilmu yang terpendam dan rahsia yang tersimpan, juga kamu belum membaca kitab-kitab kamu seperti Al-Ballaghul-akbar, Al-Mubtadiu Wal-Muntaha, Ar-Ridha', Al-Jamil', Al-'Ilmul-Maknun, Assirru-Maknun, Ta'wilusy-Syari'ah, Al-Mahsul, Risalatu Muqidzul-Aqlu dan lain-lain jadinya kamu jahil, dan melayan orang jahil adalah sia-sia sahaja.

2. Kita kata bahawa mazhab kamu itu pada kata kita sangat terang-benderang macam cahaya pagi, nyata kepada kita tiada sulit.

Apabila telah nyata kepada kita akan darihal mazhab Batiniyyah, maka kita terangkan bahawa kita telah dapat ketahui dari tiga sumber :

1. Bahawa banyak orang Islam telah masuk dalam mazhab Batiniyyah dengan senghaja, kerana hendak tahu akan darihal mazhab Batiniyyah, dan menzahirkan diri sebagai pengikut mereka, dan diam tinggal bersama-sama mereka beberapa tahun, sehingga mereka ketahui dengan yakin hal Batiniyyah, kemudian mereka keluar dan menzahirkan kufur Batiniyyah yang terpendam, dan rahsia mereka yang terkawal itu, dan mereka mengarang kitab-kitab seperti Asy-Syarifu Yusof Al-Husaini telah masuk pada ketua mereka Ibnul Anif di Sana'a dan seperti Muhammad bin Malik Al-Hammadi pengarang Kasyfu Asraril-Batiniyyah.

2. Kita mengetahui iktikad mereka dan kufur mereka dari pihak Batiniyyah sendiri, kerana mereka menzahirkan banyak dari iktikad kufur mereka, apabila mereka berasa selamat dan terasa teguh kedudukan mereka, dan mereka tiada takut sesiapa daripada jiran-jiran mereka dan dari kubu-kubu pertahanan musuh mereka, ini perkara nyata juga, bahawa orang-orang Islam selalu menawan pengkalan-pengkalan mereka dan menyerang dan merampas harta benda mereka, dan menawan mereka dan anak bini mereka, dan membunuh mereka sehingga mereka menzahirkan mazhab mereka, dan setengah-setengah orang Batiniyyah itu apabila ia telah mesra dengan orang-orang Islam, dia bertaubat dari kejahatan mereka, dan ia membocorkan apa yang tersimpan dari rahsia Batiniyyah itu, dan banyak daripada orang yang siuman daripada mereka apabila mereka mengetahui mazhab Batiniyyah seperti bayang-bayang air di tengah hari, lalu mereka keluar masuk balik pada ugama Islam dan mereka menzahirkan kufur dan ilhad Batiniyyah itu.

3. Bahawa orang-orang Islam apabila menyerang mereka dalam negeri pengkalan mereka seperti di Khurasan, Dailiman, di Mesir, di Yaman dan lain-lain negeri, mereka merampas kitab-kitab yang berisi mazhab kufur mereka, dan mereka baca dan mengkaji mazhab mereka, dan kitab-kitab itu ada disimpan di antara orang-orang Islam dari Iraq sehingga ke Negeri Sham, sebagaimana telah lalu sebutannya akan nama kitab-kitab itu. Kitab-kitab itu bukan dalam mazhab orang lain dari mazhab mereka dan telah sekata umat Islam di atas yang tersebut dan tiada dapat diengkarkan oleh sesiapa pun sama ada semua penduduk dunia percayakan kata-kata kita atau dustakan kita.

Setengah dari helah mereka: Mereka pada setengah-setengah ketika menzahirkan sembahyang, puasa, haji dan lain-lain cogan ugama, kerana hendak mengaburkan mata orang-orang jahil dan bodoh, dan kerana hendak selamat dari pedang orang Islam, kerana hukum syarak berjalan di atas perkara-perkara zahir, sebab menurut mazhab mereka mestilah mereka menzahirkan Islam, apabila mereka ada di antara orang-orang Islam atau orang-orang Islam ada hampir dengan negeri mereka, serta lemah keadaan mereka, supaya jangan orang tahu mazhab mereka, dan supaya jangan siapa ketahui kufur mereka, dan supaya jangan orang menyerang dan memerangi mereka.

Diambil dari Kitab Qawa'idu I'itikad Ali-Muhammad sekadar yang patut.

**Hukum orang Batiniyyah pada syarak dari segi kehormatan dan layanan:**

Berkata Al-Faqiyahud-Dailami pengarang Qawa'idu I'itikad Ali-Muhammad bahawa sebab hendak disebutkan perkara yang di atas ini di sini, kerana kejahilan telah meliputi kebanyakan umat Islam dalam perkara memberi layanan kepada orang-orang Batiniyyah dan orang-orang lain yang seumpama iktikad dan kepercayaan orang-orang Batiniyyah itu.

Bahawa adalah orang yang ada dalam ugama Islam dan beriktikad yang betul mengikut Islam, kemudian ia kembali iktikad kufur, atau pada sesuatu dari iktikad kufur, maka orang itu murtad keluar dari ugama Islam, dan tiada ada khilaf di antara orang-orang Islam dalam perkaranya itu, firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 217 yang bermaksud:

*"Maka sesiapa di antara kamu yang murtad (yang berpaling tadah) dari ugamanya (ugama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir."*

Dan wajib dibunuh barangsiapa balik dari ugama Islam masuk kufur semula, sama ada laki-laki atau perempuan oleh pemerintah Islam ialah menurut sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

*"Sesiapa yang menukar ugamanya, maka kamu bunuhlah dia."*

Hadis ini am, dan tiada ada dalil mentaksiskan dia, maka kita pakai erti umumnya.

Menurut Al-Imam Al-Ghazali dalam Syifaul-Ghalil bahawa ulama bersalahan pendapat pada perkara orang Zindiq yang telah bertaubat, adakah diterima taubatnya atau tiada, kerana orang Zindiq itu menurut mazhabnya menyembunyikan kufurnya sekalipun ia telah bertaubat dan kufurnya masih tetap pada iktikadnya, dan orang Yahudi, Nasrani itu waktu ia mengucap kalimah Syahadat ia beriktikad akan kufur ugamanya dan membuang ugamanya itu. Inilah beza di antara kufur orang Zindiq dan kufur orang yang lain seperti Yahudi, Nasrani dan Majusi.

Apabila tuan pembaca telah mengetahui akan perkara yang tersebut maka hendaklah diketahui bahawa orang-orang murtad yang telah diperangi oleh sahabat-sahabat radhiallahu anhum telah ijma mereka di atas tiga qaul menurut keseluruhannya.

1. Puak: Yang engkarkan ugama Islam semuanya sekali, dan mereka membenar dan percayakan iktikad puak Jahiliah.

2. Puak: Yang mengaku akan ugama Islam pada keseluruhannya, dan mereka tiada menolak sesuatu pun melainkan zakat, maka mereka berkata : Zakat itu tuan-tuan punya membahagikan sendiri harta zakatnya kepada orang-orang yang berhak menerimanya, maka mereka menyalahi apa yang telah diketahui dengan ilmu dharuri (yakin), bahawa apa yang telah berlaku pada umat Islam, maka imam (raja) yang datang belakang yakni lepas Rasulullah juga berhak padanya (zakat pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diserahkan kepada Rasulullah bagi dibahagikan kepada orang-orang yang berhak padanya, maka Khalifah Abu Bakar yang memerintah setelah wafat Rasulullah hendaklah diserah zakat kepadanya).

3. Puak: Yang berkata kita mengaku ugama Islam, tetapi kita tiada mahu mendirikan sembahyang dan tiada mahu mengeluarkan zakat, cukuplah sahaja bagi kita mengaku Islam, maka tiada khilaf di antara umat Islam bahawa orang-orang murtad itu ialah mereka yang murtad dengan salah satu dari tiga qaul itu. Dan tiadalah khilaf juga bahawa orang murtad bila mereka ada kekuatan, maka hukum mereka hukum orang kafir asli, dan negeri mereka negeri Harbi, sila tuan lihat adakah kufur orang-orang Batiniyyah atau Isma'iliah lebih dari kufur orang-orang murtad, yang telah kita sebutkan sehingga sahabat radhiallahu anhum menyerang mereka dan memerangi mereka.

Setengah dari hukum ke atas orang murtad daripada puak Batiniyyah atau lain daripada mereka, bahawa harta pesaka mereka jadi pesaka kepada waris-waris yang Islam, bila ia mati atau dibunuh atau ia lari ke negeri Harbi, setelah dibayar segala hutangnya, ini ialah menurut mazhab Aimmatul-'Itrah (Zaidiah Yaman), dan pengikut-pengikut mereka, dan itulah juga pada mazhab Al-Imam Abu Hanifah, dalam pencariannya sebelum ia menjadi murtad, dan pencarinya lepas ia murtad adalah menjadi hak Baitul-Mal, dan Al-Imam Asy-Syafi'e tiada membezakan di antara pencarinya sama ada sebelum murtad atau sesudahnya bahkan semua hartanya jadi Faiu Baitul-Mal.

Setengah dari hukum ke atas orang Batiniyyah: Apabila mereka telah berkuasa di atas sesuatu tempat, dan mereka mempunyai kekuatan, maka hukum mereka seperti hukum orang kafir Harbi, harus dibunuh dan ditawan perempuan-perempuan dan anak-anak mereka, dan dirampas harta benda mereka, kerana ijma' sekata daripada sahabat dan sekalian orang Islam masa mereka, pada memerangi kabilah Bani Hanifah dan menawan anak-pinak mereka, dan menawan harta benda mereka, dan ibu Muhammad bin Al-Hanifah (Muhammad bin Ali bin Abi Talib ibunya bangsa kabilah Bani Hanifah) adalah tawanan Bani Hanifah, telah maklum bahawa kufur orang Batiniyyah adalah lebih dari kufur kabilah Bani Hanifah, maka wajiblah dikenakan hukum seperti hukum yang dikenakan oleh sahabat-sahabat radhiallahu anhum ke atas kabilah Bani Hanifah dan ini adalah nyata.

Setengah dari hukum ke atas orang Batiniyyah: Bahawa tiada halal nikah laki-laki Islam dengan perempuan Batiniyyah, dan perempuan Islam dengan laki-laki Batiniyyah, menurut firman Allah Taala dalam Surah Al-Baqarah ayat 221 yang bermaksud:

*"Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk ugama Islam), dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan laki-laki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk ugama Islam). Dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki kafir musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana) orang-orang kafir itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke Syurga dan memberi keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) kepada umat manusia supaya mereka dapat mengambil pengajaran (daripadanya)."*

Lihat muka 5

## Seorang lagi jemaah haji meninggal dunia

SEORANG lagi jemaah haji negara kita telah meninggal dunia pada 23 Ogos 1985 di Mekah.

Beliau ialah Awang Haji Ibrahim bin Haji Bakar berasal dari Kampong Saba Tengah, Negara Brunei Darussalam. Beliau berumur 75 tahun.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4 September, 1985 hingga ke hari Selasa 10 September, 1985 adalah seperti di bawah ini :——**

| *HARI BULAN* | *ZUHUR* | | *ASAR* | | *MAGHRIB* | | *ISYAK* | | *IMSAK* | *SUBUH* | | *MATA-HARI TERBIT* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | *Mulai* | *Berakhir* | | *Mulai* | *Berakhir* | |
| Sept | | | | | | | | | | | | |
| 4–5 | 12.24 | 3.40 | 3.41 | 6.29 | 6.30 | 7.41 | 7.42 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.12 | 6.13 |
| 6–10 | 12.23 | 3.38 | 3.39 | 6.27 | 6.28 | 7.39 | 7.40 | 4.54 | 4.40 | 4.55 | 6.11 | 6.12 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

## HADIRI MUKTAMAR ISLAM DI PAKISTAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah berlepas ke Pakistan, hari Sabtu lepas untuk mengetuai satu perwakilan Negara Brunei Darussalam ke Muktamar Agung Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam kali ke-2.

Muktamar itu akan berlangsung di Islamabad selama tiga hari mulai 3 September ini.

Menyertai rombongan itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Lain-lain anggota dalam rombongan itu adalah terdiri dari Pengiran Haji Mohd Zain bin Pengiran Haji Lampoh, Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan; Pengiran Mariam binti Pengiran Haji Metarsad, Penolong Pengarah Pelajaran (Kurikulum); dan Awang Haji Ibrahim bin Haji Md. Said Ketua Unit Penerbitan di Jabatan Pelajaran.

Semasa berada di Pakistan dan sebelum menghadiri muktamar tersebut, perwakilan Negara Brunei Darussalam itu akan melawat Pusat Kurikulum dan Pusat Penerbitan Buku-Buku Teks untuk meninjau secara dekat mengenai islamisasi kurikulum dan buku-buku teks yang digunakan di negara itu.

Dari muka 4

Tiada khilaf di antara umat Islam pada menghukumkan orang Batiniyyah termasuk dalam golongan orang musyrikin, dari itu diharamkan nikah dan menikahkan dengan mereka, dan tiada khilaf di antara umat Islam bahawa haram nikah kahwin dengan orang-orang Harbi dan dengan orang-orang murtad, barangsiapa nikah dengan mereka atau menikahkan dengan mereka (Batiniyyah) setelah diketahui mazhab mereka (Batiniyyah), adalah hukumnya seperti hukum orang berzina, dan anak-anak itu tiada bersambung nasab kepadanya, dan tiada sabit mempesakainya, dan tiada sabit sesuatu hukum dari hukum nikah yang sah atau nikah yang fasid, bahkan hukumnya dalam masalah ini kita kata hukumnya nikah batil, ini hukum orang Islam apabila ia bernikah dengan mereka (Batiniyyah) dan ia tetap dalam Islam, dan tiada ada khilaf padanya, kerana ijma' mengharamkan bernikah kahwin orang Islam dengan orang-orang murtad, dan apabila mereka pada asalnya berugama Islam kemudian mereka menjadi orang-orang Batiniyyah, maka mereka adalah menjadi orang-orang murtad dengan ijma' umat Islam, dan batallah nikah kahwin di antara mereka dengan orang Islam.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)



YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menerima kitab suci Al-Quran yang disampaikan oleh Pemangku Pengurus Hongkong and Shanghai Banking Corporation, Awang S.J.Davies terlindung dalam gambar atas. Gambar oleh Harun Rashid.

## SEBUAH KITAB AL-QURAN TERTUA DIPERSEMBAHKAN

PULAIE. — Sebuah Kitab Suci Al-Quran yang tertua telah dipersembahkan oleh Hong Kong and Shanghai Banking Corporation.

Kitab tersebut telah disampaikan kepada Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, oleh Pemangku Pengurus Syarikat itu, Awang S.J. Davies dalam satu majlis yang berlangsung di pusat berkenaan pada hari Isnin lepas.

Kitab suci Al-Quran itu berukuran panjang 19cm, 11cm lebar dan setebal 3cm dan ianya ditulis dalam awal tahun 1700 Masihi tahun 1,100 Hijrah.

Naskah Al-Quran tersebut adalah persembahan dari pada Hong Kong and Shanghai Banking Corporation kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan rakyat Brunei Darussalam sempena kemerdekaan.

Naskah Al-Quran itu akan disimpan di Pusat Dakwah Islamiah sebagai pameran kekal.

## Sedari bahaya pengaruh dadah dan menghidu gam

TUTONG. — Penuntut-penuntut di negara ini diseru agar menyedari bahayanya pengaruh dadah dan menghidu gam kepada alam pelajaran dan keseluruhan kehidupan mereka.

Pengaruh dadah dan menghidu gam, menurut Pemangku Pengarah Pelajaran Ustaz Awang Haji Abd. Saman bin Kahar, bermula daripada keadaan mencuba-cuba, bersuka-suka dan berkawan-kawan.

Berucap ketika merasmikan Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Akhir sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab seluruh negara pada hari Jumaat lepas, Ustaz Awang Haji Abd Saman mengharapkan agar kegiatan keugamaan seumpama ini dapat mengelakkan penuntut-penuntut dari gerakan menyeleweng, di samping menjadikannya dorongan kuat ke arah kejayaan.

Peraduan yang tahun ini bertemakan 'Menghayati Al-Quran Meneguhkan Keimanan' adalah yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Kegiatan Luar Unit Rohani, yang dihasratkan bagi mempertinggikan mutu bacaan Quran dan menggalakkan penuntut-penuntut mempelajari dan membaca Al-Quran.

Selain itu, ianya juga bertujuan bagi mendorong penuntut-penuntut mempunyai bacaan yang merdu dan bersemangat, menguatkan lagi disiplin diri masing-masing dan seterusnya untuk meneguhkan keimanan mereka kepada menempuh hidup yang penuh aneka dugaan.

Peraduan yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Muda Hashim di sini turut diserikan dengan persembahan nasyid dari penuntut-penuntut perempuan sekolah tersebut.

Awang Hussin bin Bungsu dari Sekolah Menengah Awang Semaun muncul sebagai johan setelah mengalahkan enam peserta lain. Kedua ialah Ak. Ismail Pengiran Aliuddin dari Sekolah Menengah Berakas dan ketiga ialah Awang Jamaluddin bin Metussin dari Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

Tujuh orang peserta perempuan menyertai pertandingan itu. Johan ialah Dayang Aminah Haji Abd. Manaf dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, kedua Halifah binti Pengarah Omarali dari Sekolah Menengah Awang Semaun, manakala tempat ketiga ialah Dk. Faridah Pengiran Haji Aliuddin dari Sekolah Menengah Berakas.

Hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Muhammad.

## Pemilihan pemain sepak takraw

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Unit Kegiatan Luar akan mengadakan pemilihan bagi pemain-pemain sepak takraw yang berumur 18 tahun ke bawah pada hari Ahad 8 September mulai jam 8.30 pagi di tempat-tempat seperti berikut:—

Daerah Brunei Muara — di Dewan Sekolah Menengah SMJA.

Daerah Tutong — di Dewan Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong.

Daerah Belait — di Dewan Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait.

Daerah Temburong — di Dewan Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar.

Pemilihan ini adalah untuk persiapan bagi menghadapi kejohanan sepak takraw Sekolah-Sekolah ASEAN kali kedua yang dijangka berlangsung dalam bulan Disember depan.

Negara Brunei Darussalam adalah menjadi tuan rumah bagi kejohanan ini.

Kepada penuntut-penuntut yang ingin menyertai pemilihan ini dikehendaki hadir ke tempat-tempat dan waktu yang ditetapkan.

## Tarikh tutup dilanjutkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka memaklumkan bahawa tarikh tutup menyertai Peraduan Melukis Ilustrasi Buku Kanak-Kanak adalah dilanjutkan daripada 21 Ogos kepada 21 September.

Kepada mereka yang ingin menyertai peraduan ini bolehlah mendapatkan butir-butir lanjut daripada Setiausaha Peraduan, Tingkat 4 Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, telefon 23511 sambungan 254 dan 255.

*Menuju keredaan Allah*

## Hidup manusia dilingkungi oleh tiga zaman

KEHIDUPAN di dunia ini tidak ubah sebagai mencari madu penyengat, bomoh yang pintar dapat saja menguapkan penyengat yang banyak dan dapat mengambil madunya dengan tidak tersinggung sengatan penyengat itu. Adapun si bebal dan bodoh madunya tidak diperolehi tetapi muka bengkak dan bisa disambar penyengat bermadu.

Atau umpama ular mengandungi racun yang bisa, tetapi di samping racun itu ada pula ubat penawarnya, seperti lidah mempunyai sengat yang bisa tetapi mempunyai madu yang amat manis dan berkhasiat.

Dalam satu riwayat: Rasulullah pada suatu hari telah didatangi oleh Malaikat Jibril lalu disampaikan kepada Baginda pertanyaan Tuhan (Allah Taala), *"Yang manakah dia suka, menjadi Nabi yang kaya raya seperti Nabi Sulaiman, atau menjadi Nabi yang miskin seperti Nabi Ayyub?"* Baginda Rasulullah menjawab: *"Bahawa Baginda lebih suka makan sehari dan lapar sehari."* Tanya Jibril: *"Mengapa begitu Rasulullah?"* Sabda Baginda menjawab: *"Di waktu kenyang saya bersyukur kepada Allah dan di waktu lapar saya memohon ampun kepada-Nya."*

Bagi Rasul-Rasul adalah kekayaan itu nikmat dan kemiskinan itu pun nikmat. Di waktu senang dan susah, kaya dan miskin, sukar dan mudah, semuanya ada pintu untuk mengharap kepada rahmat Allah, menjunjung dan menyembah-Nya. Sebab itu maknanya Nabi-Nabi dan Wali-Wali tidak dapat diikat dan dibelenggu, tidak dapat dibelit dan tidak dapat disekat dan digigit dunia. Mereka telah tahu hakikat, tahu mudarat dan manfaatnya. Mereka tahu bahawa hidup manusia ini dilengkapi oleh tiga zaman iaitu: Zaman dikandung ibu, zaman dilingkungi alam dan zaman maut. Manusia singgah di alam dunia ini laksanakan berhenti sebentar di tengah perjalanan, kerana tujuan masih jauh.

Bagi insan yang arif bijaksana, dia singgah untuk persiapan menuju ke negeri yang asli. Dibawanya bekalan yang tahan lama, yang tidak akan bangas dan ditinggalkannya mana-mana yang akan memberati dan menghalangi supaya jangan terlalai menempuh kampung yang kekal itu atau jangan didahului oleh orang lain. Golongan insan yang bebal dan dungu disangkanya inilah watan sejati, tanahair sebenarnya, di sini dia bersenang-senang, berlalai dan berleka. Tidak ia melepaskan dunia dari hatinya sebelum Malaikal-Maut sendiri merebutnya dari tangannya.

Golongan bebal itulah yang amat rugi dari sisi Allah, sebab ia hanya mementingkan dunia yang diburunya malam dan siang, soal-soal menyediakan bekalan untuk meneruskan perjalanan amat dilupainya lalu kosonglah pundi-pundi bekalannya. Akhirnya ia kehausan, kelaparan dan telanjang bogel akibat lalainya oleh belitan dunia yang fana ini. Di situlah ia menjerit meminta pertolongan dan perlindungan namun jeritan dan rintihan itu tidak bersahut. Masa telah luput malah ia akan ditimbuni oleh kesusahan demi kesusahan yang bertubi-tubi dan bertalu-talu akibat keulahannya di dunia yang telah lalai dan alfa. Golongan inilah manusia yang paling rugi. Firman Allah di dalam Surah al-Kahfi ayat 110 yang berbunyi: *"Oleh itu siapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya hendaklah mengerjakan amal yang salih dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya."* Amalan salih dan perbuatan-perbuatan yang baik itulah menjadi pilihan insan-insan yang arif lagi bijaksana dan itulah bekalan yang tidak bangas dan tidak lapok bagi meneruskan pengembaraan menuju ke alam akhirat demi keredaan Allah.

## SUDUT KESIHATAN

DIKELUARKAN OLEH
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

# NYAMUK

Oleh V. John Zachariah,
Ahli Kaji Serangga'
Jabatan Perubatan dan Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.



**Nyamuk bukan saja tidak mententeramkan, tetapi ianya juga menyebabkan merebaknya penyakit di kalangan manusia dan binatang.**

NYAMUK menyusahkan dan merugikan sangat di merata dunia kerana tabiatnya menghisap darah. Tidak kira awda tinggal di pekan atau kampung, awda mungkin juga diganggu nyamuk. Rasa gatal kerana digigit nyamuk mungkin berterusan sampai beberapa hari dan setengah orang menjadi gelisah dan tidak boleh tidur keranannya. Nyamuk bukan saja tidak mententeramkan tetapi ianya juga merebakkan penyakit di kalangan manusia serta binatang ternakan. Kerana nyamuk jugalah menyebabkan merebaknya demam kepialu, filariasis, denggi, ensefalitis dan penyakit kuning. Jika awda tahu di mana nyamuk bertelur, bagaimana ianya hidup dan apa perlu dibuat untuk mencegah dan mengawal mereka, awda akan dapat mengurangkan bilangan nyamuk di dalam sekitar rumah awda.

### PUTARAN HIDUP

Nyamuk memerlukan air untuk putaran hidupnya. Putaran hidupnya pula terbahagi kepada empat peringkat: telur, jejentik, kepompong dan dewasa. Tiga peringkat disebutkan terawal berlaku dalam air sedangkan peringkat dewasa merupakan serangga yang giat terbang. Telurnya terapung berasingan di atas permukaan air atau ada pula yang berkelompok seakan-akan rakit. Ianya menetas jadi jejentik dalam jangka 2 atau 3 hari. Jika sesuatu jejentik ternampak seolah-olah tergantung di permukaan air dengan badannya sejajar dengan permukaan air maka ini menunjukkan jejentik Nyamuk Tiruk kerana jejentik jenis lain condong sahaja dengan kepalanya ke bawah sedangkan ekornya menghala ke atas. Sebelum jejentik menjadi kepompong, ianya melalui 4 peringkat yang terjadi dalam masa 4 — 10 hari. Kepompong ini juga hidup dalam air dan sangat giat. Ianya tidak makan tetapi bila-bila masa ianya hendak menyedut udara maka ianya pun timbul ke permukaan air. Peringkat kepompong mungkin untuk selama sehari atau hingga seminggu. Setelah melalui peringkat kepompong maka muncullah nyamuk dewasa yang terbang. Hanya nyamuk betina sahaja yang menggigit kerana ianya memerlukan darah untuk membiakkan telurnya. Nyamuk betina hidup lebih lama daripada yang jantan.

### ADAKAH AWDA MEMBIARKAN NYAMUK MEMBIAK?

Periksa rumah dan kawasan rumah awda dengan teliti kalau-kalau nyamuk ada membiak. Jejentik mungkin boleh didapati dalam air di pelbagai tempat: tin, tayar-tayar usang, bekas buatan, dram, pinggan lapik pasu bunga, saludan, tempat burung mandi, kolam perhiasan, penyiram bunga, pantongan buluh, saluran najis yang tidak sempurna, lubang pokok, daun yang boleh menakung air dan tangki air — pendek kata, apa saja air yang dibiarkan bertakung walaupun untuk beberapa hari sahaja.

### AWDA DAPAT MENCEGAH NYAMUK DARI MEMBIAK

Awda dapat mencegah nyamuk dari membiak dengan cara mengusahakan beberapa perkara seperti berikut:—

1. Kosongkan dan tiarapkan atau kuburkan pelbagai jenis bekas.
2. Tudungi tangki air dan dram dengan ketat supaya nyamuk dewasa tidak boleh masuk.
3. Buatlah sesuatu yang dapat menghalang nyamuk daripada memasuki tangki-tangki najis melalui lobang-lobang.
4. Jika awda mempunyai kolam simpanlah jenis ikan yang makan nyamuk di sana.
5. Air di tempat burung mandi hendaklah sentiasa ditukar.
6. Bubuhlah sedikit minyak tanah ke dalam perangkap-perangkap semut sekali seminggu.
7. Buangkanlah benda-benda yang menyumbat longkang dan saludan dan bersihkanlah ianya selalu.
8. Sumbatlah lubang pokok dengan pasir atau simen.
9. Bersihkan longkang dan kolam di pekarangan rumah.
10. Jika ada, simpanlah perahu dan tayar awda di tempat yang terlindung daripada basah.

### JIKA NYAMUK MASIH BERDEGIL

Jika awda pasti bahawa awda tidak membiakkan nyamuk dan telah pun berusaha mengawal mereka di sekeliling rumah awda namun nyamuk masih juga ada, awda hendaklah melaporkan kepada pihak kesihatan di kawasan awda.








NYAMUK suka membiak dalam takungan air seperti dalam tajau, tin-tin kosong, botol, lapik pasu bunga, bekas tayar kereta dan lain-lain (seperti gambar atas kiri). Untuk menghindarkan nyamuk dari membiak, tempat-tempat menyimpan air hendaklah ditutup seperti kelihatan gambar atas kanan.

# 1,000 ORANG SAKSIKAN HARI TERBUKA ABDB

Oleh Ahat Ismail

Gambar oleh Harun Rashid

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Kira-kira 1,000 orang termasuk penuntut-penuntut daripada berbagai sekolah telah membanjiri Pusta Latihan Perkhemahan Bolkiah di sini Ahad lepas bagi menyaksikan Hari Terbuka Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Aktiviti tahunan tersebut berlangsung sehari suntuk dan beberapa unit lain ABDB juga akan mengadakan Hari Terbuka yang sama dalam masa yang berasingan.

Ianya diadakan bertujuan untuk memperkenalkan dan memperdekatkan lagi pasukan pertahanan negara kepada rakyat serta penduduk di negara ini.

Orang ramai telah berpeluang secara dekat melihat kerjaya tentera selain berkesempatan menambahkan pengetahuan melalui soal-jawab yang dikemukakan kepada pegawai-pegawai.

"Dengan adanya Hari Terbuka ABDB ini, setentunya akan memberikan peluang kepada orang ramai untuk mengenali lebih dekat lagi pasukan angkatan bersenjata negara kita," kata seorang jurucakap ABDB.

"Dalam pada itu, jelasnya secara tidak langsung Hari Terbuka ini akan menarik minat belia dan beliawanis untuk menceburi lapangan ketenteraan."

Pelbagai kelengkapan tentera termasuk alat-alat perhubungan, bekalan perubatan dan cara-cara hidup dalam hutan telah dipamerkan pada hari tersebut.





PERALATAN senjata juga turut dipamerkan di hari tersebut. Kelihatan dalam gambar orang ramai sedang mendengarkan penerangan mengenai alat-alat tersebut (atas). Gambar bawah alat-alat perhubungan seperti radio dan sebagainya juga dipamerkan.



SEBAHAGIAN daripada penuntut-penuntut sekolah ketika mendengar penerangan cara-cara membuat kolek oleh salah seorang anggota Askar Muda.

## Petinju negara raih 7 pingat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuh petinju negara ini berjaya meraih tujuh pingat di Kejohanan Tinju Amatur Antarabangsa sempena Hari Kebangsaan Republik Singapura minggu lepas.

Dalam bahagian Lightwelter-weight, Awang Bungsu Piut berjaya mencapai pingat emas. Empat pingat perak masing-masing diperolehi oleh Ak Abd Rahman bin Pg Mohiddin dalam bahagian Banthamwelter-weight, Awang Ismail Ali dalam bahagian Middle-weight, Awang Abas Ali dalam bahagian Heavy-weight dan Awang Bakar Piut dalam bahagian Feather-weight.

Manakala dua pingat gangsa diperolehi melalui Awang Ahmad Ibrahim dalam bahagian Flyweight dan Ak Abd Rahman Pg. Matjair dalam bahagian lightwelter-weight.



## Sembilan dapat ijazah di UKM

SERAMAI sembilan orang graduan-graduan Negara Brunei Darussalam yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 1981/1982 — 1985 telah menerima ijazah mereka dalam satu konvokesyen Universiti tersebut kali yang ke-13 pada 17 Ogos yang lalu.

Gambar atas menunjukkan enam dari sembilan graduan yang lulus itu. Mereka ialah (dari kiri) Mohd Daud bin Tuan. Masri bin Haji Zainal, Rosni binti Haji Samli, Hasinah binti Haji Sheikh Salleh, Amalia (graduan dari Malaysia), Hajijah binti Tian dan Jumaat bin Salleh. Kesemua mereka ini menerima ijazah Sarjana Muda Sastera.

Tiada dalam gambar ialah Sabullah bin Haji Hakip yang menerima ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Sejarah; Haji Abdullah bin Haji Metussin dan Ramli bin Mohamad, kedua-duanya menerima ijazah Sarjana Muda Sastera.

## PERSEDIAAN PEPERIKSAAN RSA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan-persediaan sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan Mata Pelajaran Tunggal (Single Subject) Royal Society of Arts dalam bulan-bulan Februari, April dan Jun, 1986 di pusat-pusat berikut:

1. Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan.
2. Maktab Anthony Abell Seria
3. Sekolah Menengah Perdana Wazir Kuala Belait.
4. SRK. Delima Satu, Jalan Muara, Brunei.

Di antara mata-mata pelajaran yang ditawarkan ialah Book Keeping, Accounting, Shorthand, Typewriting, English Language, Mathematics, Statistics dan Office Practice dalam tiga peringkat (Elementry, Intermediate dan Advanced).

Bayaran-bayaran peperiksaan adalah seperti berikut:

**PERINGKAT PERTAMA — $50.00**

(Bagi tiap-tiap satu mata pelajaran)

**PERINGKAT MENENGAH — $55.00**

(Bagi tiap-tiap satu mata pelajaran)

**PERINGKAT TERTINGGI — $60.00**

(Bagi tiap satu mata pelajaran)

**BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA ASING**

Peringkat Permulaan — $65.00

Peringkat Menengah — $70.00

Peringkat Tertinggi — $75.00

Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar dengan wang tunai atau cek kepada Lembaga Peperiksaan, Negara Brunei Darussalam.

Semua borang-borang kemasukan peperiksaan yang telah diisikan beserta dengan bayaran hendaklah sampai ke Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei Darussalam seperti berikut:

**MUSIM EASTER**

Mulai 1 hingga 30 November, 1985

**MUSIM WHITSUN**

Mulai 15 Disember, 1985 hingga 15 Januari, 1985.

**MUSIM SUMMER**

Mulai 15 Februari, 1985 hingga 15 Mac, 1986.

Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari tarikh yang disebutkan tidak akan dilayan.

## Bola Sepak Piala Aziz

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan bola sepak bagi merebut Piala Aziz bagi musim 1985/1986 akan bermula dalam bulan Oktober depan. Perlawanan pada musim ini akan dikelolakan oleh Jerudong Park.

Borang-borang penyertaan serta syarat-syarat perlawanan kini sedang diedarkan kepada jabatan-jabatan kerajaan.

Pengerusi Perlawanan, Awang Mohd Kamis bin Haji Tuba meminta jabatan-jabatan yang belum lagi menerima borang penyertaan tersebut, supaya menghubungi beliau sendiri atau kepada Setiausaha Perlawanan, Awang Osmar bin Duraman dan Setiausaha I. Awang Abd Jalil bin Haji Abd Rahman, kesemuanya di Jerudong Park.

Borang-borang penyertaan hendaklah dikembalikan kepada pihak penganjur tidak lewat dari 28 September jam 4.00 petang.

Perlawanan bola sepak Piala Aziz adalah terbuka kepada jabatan-jabatan kerajaan di Daerah Brunei-Muara. Ini adalah tahun kelima perlawanan tersebut diadakan. Tahun lalu kejohanan tersebut telah dimenangi oleh Jabatan Letrik sementara naib johan ialah Jabatan Ukur.

Perlawanan musim lalu dikelolakan oleh Kerahan Tenaga Awam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

# SENI TUNGGAK KEPERIBADIAN SESUATU BANGSA — Awang Abd. Razak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad menegaskan bahawa dunia tidak pernah mengabaikan kepentingan seni yang disifatkan sebagai tunggak keperbadian sesuatu bangsa malah sebahagian besar negara-negara di dunia menempatkan seni sejajar dengan perkara-perkara yang utama.

Negara kita Brunei Darussalam, jelas Awang Abd Razak tidak terkecuali bahkan telah menampakkan keaktifan untuk mengemas dan membisaikan apa jua corak seni yang dianggap sebagai cermin bangsa itu.

Berucap di majlis penyampaian hadiah-hadiah peraduan melukis untuk kanak-kanak 'Ciri-ciri Kebudayaan Brunei' yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Kerajaan Mabohai di sini pada hari Khamis 29 Ogos lalu, Awang Abd Razak selanjutnya berkata semuanya itu adalah merupakan dasar umum negara yang memang diketahui ramai.

Untuk tujuan itu, jelas beliau peranan telah dimainkan oleh semua sektor baik dalam masyarakat mahupun Kerajaan terutamanya yang memang memegang portfolio pada mengembangkan projek-projek yang bercorak seni.

Dalam hubungan ini, menurutnya lagi sektor pelajaran di negeri ini sejak lama telah mengambil peranan aktif untuk mengembangkan bidang-bidang demikian menerusi dasar pelajaran yang sehingga terbukti di masa kini wujudnya orang-orang seni yang berpontensi termasuklah di bidang arts dalam berbagai-bagai corak disiplinnya.

"Murid-murid sekolah pada masa ini juga sentiasa diberi galakan-galakan yang positif menerusi unit-unit yang tertentu dalam Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan. Ini termasuklah memberi kerjasama yang erat kepada penganjur peraduan iaitu Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad," ujar beliau.

Pihak Kementerian Pelajaran dan Kesihatan sangat-sangat menghargai usaha-usaha yang sedemikian dan untuk itu beliau berharap agar usaha-usaha yang sedemikian akan dapat diperbesarkan lagi ke arah galakan-galakan yang lebih luas khusus di bidang pengembangan seni sama ada di bidang seni lukis mahupun pertukangan tangan dan kesusasteraan atau bidang-bidang seni yang lain.

Awang Abdul Razak juga melahirkan rasa bangganya terhadap ibu bapa yang begitu berminat untuk menggalakan anak-anak mereka dalam semua aspek pelajaran termasuk seni lukis yang amat membanggakan.

Awang Habib bin Abdul Hamid, Pegawai Perhubungan sekolah-sekolah dalam ucapan alu-aluannya memberitahu bahawa penyertaan peraduan pada tahun ini adalah sangat menggalakan di mana 7,000 buah lukisan telah dihantar berbanding dengan tahun lalu yang hanya berjumlah 4,500 buah lukisan sahaja.

Tujuan diadakan peraduan itu jelas beliau adalah semata-mata bagi menggalakan bakat seni lukis di kalangan kanak-kanak terutama sekali murid-murid sekolah rendah Kerajaan di negara ini yang berumur di antara enam hingga 13 tahun.

Peraduan tersebut yang dianjurkan oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad dengan kerjasama Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan itu dibahagikan kepada empat bahagian.

Hadiah-hadiah kepada pemenang juga telah disampaikan oleh Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad. Sejurus selepas majlis penyampaian hadiah sempurna dilangsungkan. Tetamu kehormat berserta dengan jemputan khas yang lainnya menyaksikan lukisan-lukisan yang memenangi peraduan pada hari itu.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Abdul Razak menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang. Gambar oleh Rabaee Sabli.



AWANG Abd. Razak, Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan berserta dengan para jemputan khas hadir di majlis pada hari itu. Gambar oleh Rabaee Sabli.

## ANGKA TUNJUK BULAN JULAI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan Julai, 1985 ialah 146.7 mata dan ini adalah 0.1% lebih tinggi dari angka tunjuk bagi bulan Jun, 1985. Jika dibandingkan dengan angka tunjuk bagi bulan Julai 1984, angka tunjuk bagi bulan ini juga adalah 2.2% lebih tinggi.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah disebabkan oleh kenaikan angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan "Makanan" dan "Barang-Barang dan Perkhidmatan-perkhidmatan Rampaian". Angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan "Makanan" ialah ikan hidup (bilis, tamban, udang besar dan kecil). Walaupun harga-harga timun dan terung telah naik, ini tidak menjejaskan angka tunjuk kumpulan "Makanan" kerana harga sawi putih juga telah turun dengan kadar yang lebih kurang sebanding. Perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan "Barang-barang dan Perkhidmatan-perkhidmatan Rampaian" ialah belanja-belanja perubatan dan kesihatan (Vitamin).

## Perlawanan ping pong

BANDAR SERI BEGAWAN. — **Persatuan Kampong Saba (PERKASA) akan menganjurkan perlawanan ping pong perseorangan dan berkumpulan kali ke-2 yang terbuka kepada penduduk-penduduk Kampong Ayer.**

Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh didapati daripada Awang Haji Majid bin Haji Moksin di Jabatan Perubatan, Awang Lakim Haji Tinggal di Pejabat Undang-Undang dan Awang Saimun Haji Sulaiman di Pusat Belia.

Semua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat dari hari Isnin 9 September depan.

Bayaran bagi memasuki perlawanan ialah sebanyak $5.00 bagi perseorangan dan $20.00 bagi tiap-tiap satu kumpulan.

Syarat-syarat pertandingan ialah perlawanan dijalankan secara pukul keliling iaitu bagi perseorangan dan bagi kumpulan pula ianya dijalankan secara kalah mati.

Setiap pemain hendaklah membawa kad pengenalan masing-masing setiap kali bermain. Mana-mana pemain yang gagal menunjukkan kad pengenalan tidak akan dibenarkan bermain.

# Pembersihan tapak Jambori Nasional bermula

GADONG. — Perkhemahan Jambori Nasional Negara Brunei Darussalam akan berlangsung di sini pada 14 hingga 20 Disember akan datang.

Sehubungan dengan itu, satu kempen kebersihan tapak perkhemahan tersebut telah bermula 11 Ogos lalu.

Kempen tersebut disertai oleh ahli-ahli pengakap dari Daerah Brunei dan Muara dan Tutong; Jabatan-jabatan Kerajaan yang terdiri dari Jabatan Lembaga Bandaran, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Penerbangan Awam dan lain-lain jabatan kerajaan.

Pesuruhjaya Perhubungan Awam dan penerbitan PPNBD, Awang Haji Domeng bin Haji Abdul Wahab mengharapkan agar kerja-kerja pembersihan tersebut akan dapat diselesaikan dalam penghujung bulan September ini bagi membolehkan Jawatankuasa Tertinggi Jambori membahagikan kawasan tersebut kepada subkem-subkem yang berkenaan.

Sementara itu serombongan 45 orang pegawai-pegawai pengakap dari Malaysia telah mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari yang bermula dari 18 hingga 21 Ogos yang lalu.

Rombongan yang terdiri dari ahli EXCO Majlis Pengakap Malaysia dan EXCO Latihan Pengakap Malaysia telah diketuai oleh Encik Mohammad Kamaruddin, Setiausaha Eksekutif (Latihan Persatuan Pengakap Malaysia).

Sepanjang lawatan ke negara ini, rombongan tersebut telah berkesempatan melawat tempat-tempat menarik antaranya termasuklah Muzium, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Masjid Omar Ali Saifuddien, Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Kampong Ayer.

Rombongan pelawat dari Malaysia itu telah diraikan oleh satu majlis makan malam yang diberikan oleh jawatankuasa lawatan PPNBD.



MAJLIS taklimat bagi rombongan pelawat dari Persatuan Pengakap Malaysia oleh Pengerusi Jawatankuasa Lawatan PPNBD sejurus selepas kedatangan rombongan pelawat tersebut di Bilik Mesyuarat, Rumah Persinggahan Kerajaan di Bandar Seri Begawan.



SEBAHAGIAN dari pengakap-pengakap yang menyertai kempen membersihkan tapak perkhemahan untuk Jambori Nasional Negara Brunei Darussalam.

# rtb intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# DOA RESTU

ALLAHU Akbar ... ! Allahu Akbar ... ! Allahu Akbar Walillah Ilham. Begitulah gema suara takbir yang masih sayup-sayup terdengar di cuping telinga di setiap insan yang bernama Muslimin dan Muslimat dalam mengiringi kepulangan jemaah-jemaah tanahair kita Negara Brunei Darussalam yang selamat kembali ke tanahair yang tercinta ini.

Alhamdulillah begitu kudus hati dari para jemaah yang menunaikan fardu haji di tahun ini dengan penuh khusyuk dan tawaduk mengabdikan diri kepada Allah Rabbul Izzati memohon keampunan dari segala dosa yang tidak terlintas untuk dilakukan dengan penuh syahdu dan kekesalan, dan kini kembali dengan satu harapan penuh kemurnian dan keimanan yang salihin.

Moga-moga cahaya keimanan ini akan tetap terabadi di lubuk hati para insan Muslimin dan Muslimat, khususnya para jemaah haji tanahair kita yang baru beberapa hari sahaja kembali ke tanahair dengan penuh kemenangan, selamat menyempurnakan Rukun Islam yang kelima. Begitulah juga harapan kita pada kepulangan jemaah haji kita yang seterusnya.

Satu harapan dan iringan doa restu · moga-moga jemaah-jemaah haji kita itu akan diterima dan diberkati oleh Allah s. w. t. dengan memperolehi haji yang mabrur.

Dalam detik dan suasana sedemikian, betapa gembiranya sanak saudara yang menyambut kepulangan mereka itu dan penuh kesyukuran, dan tidak terkecuali radio dalam suasana begini tidak akan memencilkan diri dalam sama-sama memberikan gambaran-gambaran yang sejelas mungkin di setiap ketibaan jemaah-jemaah haji tanahair kita dari semasa ke semasa.

Gambaran serupa inilah yang sering diikuti oleh para pendengar untuk mengetahui perkembangan lanjut dari ketibaan jemaah haji itu. Mana-mana perubahan dan pemberitahuan seringkali radio amat didekatkan oleh pendengar, apa lagi pada mereka yang berkenaan dari saudara para jemaah haji untuk mengikuti terus siri-siri yang berkaitan dengan mereka.

Ke arah fungsi serupa inilah radio amat berkesan memberikan laporan, penyaluran hasrat pendengar dalam beberapa aspek yang melibatkan siaran terus-menerus atau dengan kata lain siaran langsung yang dibuat oleh radio.

Kita selaku pendengar umpamanya tidak akan terasa tertinggal dalam mengikuti perkembangan sesuatu berita yang secara langsung dapat diikuti dengan jelas oleh pendengar yang berkenaan, dan perkara ini sempurna diperlakukan oleh radio walau di manapun khidmatnya di negara kita yang tercinta ini.

Ucapan syukur dan doa restu sentiasa radio iringi untuk jemaah-jemaah haji tanahair kita selamat kembali dengan memperolehi haji yang mabrur.



# TETAMU RADIO

MINGGU ini awda akan dapat mengikuti temubual Harun Moslam bersama penyanyi dari Semenanjung Malaysia Saudari Mazuin Hamzah (gambar kiri). Rancangan ini akan ke udara pada hari Ahad 8 September jam 4.30 petang. Ulangannya disiarkan pada hari Rabu jam 2.00 petang. Rancangan diterbitkan oleh Helen Thu.

## Sandiwara Radio:

# "KELASI MUDA"

KALI ini penulis Sani A. B., Brunei membawa pendengar peminat Sandiwara Radio untuk mengikuti pergolakan yang berlaku di kalangan pekerja-pekerja di sebuah kapal laut.

Sandiwara yang bertemakan kejujuran dalam bekerja ini mengemukakan watak Ramli sebagai watak utamanya. Walaupun baru saja bekerja di kapal itu sebagai kelasi, tapi Ramli telah mampu menunjukkan kerjanya yang baik dan berjaya meyakinkan Tuan Ismail, ketua di kapal itu tentang kebolehannya. Bagaimanapun, ia bekerja bukanlah diniatkan untuk mendapat sanjungan atau pujian semata, tetapi adalah kerana kejujurannya.

Sukiman dan Borhan, dua orang kakitangan kapal itu yang telah lama berkhidmat pula tidak menjalankan tugas mereka seperti yang sepatutnya. Sebaliknya mereka mengajak penumpang kapal itu bermain judi dalam masa bekerja.

Perbuatan curang Sukiman dan Borhan itu akhirnya sampai ke pengetahuan Tuan Ismail sehingga ia memutuskan untuk membawa mereka ke pengadilan. Kerana didorong oleh perasaan hasad mereka, timbul pula keinginan mereka untuk memfitnah Ramli dengan mengatakan Ramli telah mencuri wang kepunyaan salah seorang penumpang kapal.

Perkara kecurian itu dibawa hingga ke pengetahuan Tuan Ismail. Bagi Ramli yang tidak melakukan semua itu tentu saja akan membela dirinya sedapat yang mungkin.

Dapatkah Ramli mempertahankan kejujurannya ? Bolehkah ia membuktikan yang ia tidak bersalah? Untuk mengetahuinya, silalah ikuti siarannya nanti pada 8 September, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Saloma Haji Mahmud.

## Mari Memasak:

# Kuih Daging Gulung

BAHAN-BAHANNYA :

1 mangkuk daging
1 cawan kacang peas
½ cawan tomato puri
½ cawan serbuk rempah kari
1 mangkuk ubi kentang goreng
5 biji lada hidup merah
2 biji lobak merah
2 biji buah tomato
2 biji bawang besar
1 ikat daun sadri
6 biji telur ayam

UNTUK BAHAN-BAHAN KULITNYA :

2 mangkuk tepung gandum
1 cawan santan
3 biji telur ayam
2 sudu minyak sapi
1 botol minyak makan
1 kati bawang putih
1 kati bawang merah
garam dan serbuk perasa.

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Panaskan minyak sapi, tumiskan bawang putih dan bawang merah yang sudah dimayang halus. Masukkan rempah yang sudah bercampur dengan tomato puri dan daging kisar. Goreng agak garing masukkan lagi kacang peas, lobak merah dan kentang goreng serta hirisan tomato, daun sadri dan lada hidup merah. Akhirnya garam dan serbuk perasa.

UNTUK MEMBUAT KULITNYA :

Tepung yang sudah diayak campurkan sedikit garam gaulkan merah telur yang sudah dibancuh terlebih dahulu, minyak sapi, kacaukan sehingga rata masukkan santan sedikit-sedikit ulilah sehingga lembut. Kemudian ambil adunan agak-agak sebiji bola ping-pong tekan dengan kayu penggiling tepung agak-agak nipis bubuhlah inti daging dan gulungkan, buat sehingga habis, kemudian celupkan ke dalam telur yang sudah dibancuh, angkat golekkan ke dalam serbuk roti. Gorenglah ke dalam minyak yang panas sampai garing dan kuning baru diangkat. Semasa menghidang sediakan sos lada.

## Penyampai Rancangan Kuiz Ria

RADIO Televisyen Brunei menghendaki seorang penyampai untuk sebuah rancangan baru bagi Rancangan Televisyen Pendidikan—Kuiz Ria.

Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 30 tahun dan fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

Keterangan lanjut dan borang permohonan bolehlah diperolehi dari Penerbit Kuiz Ria, Televisyen Pendidikan Brunei, Radio Televisyen Brunei, Negara Brunei Darussalam.

# Rancangan TVP 9 September hingga 11 September 1985

## ISNIN 9 SEPT

### PAGI

8.50 KUNTUM SENI No. 6

Isi rancangan kali ini akan menunjukkan cara membuat alas menyimpan perhiasan daripada guni beras dan juga menunjukkan kanak-kanak membuat aktiviti mereka.

Marilah sama-sama menyaksikan rancangan ini.

9.20 THE EASY WAY No. 1

Dalam rancangan pertama siri ini, kita akan bersama-sama mempelajari pelajaran "Good Morning" dan "Good Afternoon". Selain dari itu, kita juga akan mempelajari beberapa perkataan baru, angka-angka 1, 2 dan 3 serta sebuah lagu baru. Di "Children's Corner" pula kita akan dapat menyaksikan beberapa buah lukisan.

10.05 ONCE UPON A TIME ...... No. 1 (The Lion and The Mouse)

Suatu hari tikus ternampak singa sedang tidur. Ia mendekati singa itu. Ekornya terkena misai singa menyebabkan singa terbangun. Dengan marah singa menangkap tikus dan hendak membunuhnya. Tikus minta dilepaskan dan berjanji akan menolong singa jika singa mendapat kesusahan.

Mahukah singa melepaskan tikus dan betulkan tikus boleh menolong singa? Ikutilah cerita selanjutnya.

10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Hidupan Di Air 1)

Rancangan ini dimulakan dengan membawa murid-murid menyaksikan pemandangan Negara Brunei Darussalam dari udara dan menunjukkan kekayaan alam semula jadi. Setelah itu murid-murid dibawa mengenali salah satu kekayaan alam semula jadi iaitu Hidupan Di Air.

## SELASA 10 SEPT

### PAGI

8.50 KUNTUM SENI No. 7

Kali ini diisikan dengan menunjukkan cara membuat perahu dari seludang kelapa dan juga menunjukkan dua orang kanak-kanak membuat kerja tangan seperti melukis dan menggunting gambar.

9.20 SIARAN ULANGAN THE EASY WAY No. 1

10.05 ONCE UPON A TIME ...... No. 2 (The Dog And The Shadow)

Cerita kali ini mengisahkan seekor anjing yang sedang kelaparan terjumpa seketul tulang, kerana takut dilihat oleh anjing-anjing lain tulang itu digonggongnya dan dibawa pergi. Kemudian anjing tersebut sampai ke sebuah titi. Bila ia memandang ke air dari atas titi itu ia ternampak ada seekor anjing sedang menggonggong tulang. Apa lagi, timbullah perasaan tamaknya hendak merebut tulang itu.

Untuk mengikuti kisah selanjutnya silalah adik-adik ikuti rancangan ini.

10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Hidupan Di Air 2)

Melalui rancangan ini murid-murid akan berpeluang mempelajari bagaimana cara-cara menyediakan akuariam iaitu tempat baru bagi kediaman binatang-binatang air.

## RABU 11 SEPT

### PAGI

8.50 KUNTUM SENI No. 8

Dalam rancangan kali ini murid-murid akan ditunjukkan cara membuat corak dan gambar dari bahan "upeh pinang". Dalam rancangan ini juga dibawa dua orang kanak-kanak membuat kerja tangan mereka dengan mencap dan melukis. Silalah ikuti rancangan ini untuk mengetahui isi selanjutnya.

9.20 SIARAN ULANGAN THE EASY WAY No. 1

10.05 ONCE UPON A TIME ...... No. 3 (Big Creatures In The Sea)

Seekor burung besar merasa dirinya paling besar. Suatu hari ia terjumpa seekor udang yang sangat besar. Udang besar pula sombong dan menyangka dirinya paling besar. Ketika berenang ia terjumpa sebuah gua. Gua itu rupanya lubang hidung ikan paus.

Apakah tindakan ikan paus dan apakah yang akan terjadi kepada udang besar itu? Sila ikuti rancangan ini selanjutnya.

10.35 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 1)

Rancangan ini adalah bahagian pertama dari siri rancangan 'Magnet'. Dalam rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai:

1. Sejarah Magnet
2. Apakah dia Kompas?
3. Cara-cara membuat Kompas mudah.

Benarkah Kompas sangat mustahak kepada pelaut? Bagaimana kompas boleh menolong mereka? Untuk mengetahui jawapannya, ikutilah rancangan ini.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 4 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 PULLOVER: "Umbrellas And Gnomes"
5.00 ANIMALS IN ACTION: "Beaks And Bills"
5.30 FAMILY TIES: "Birth Of A Keaton" Bhg. I
6.00 BERITA AWAL
6.05 INSPECTOR GADGET
6.25 TEKA TEPAT
6.30 AZAN MAGHRIB
6.40 TEKA TEPAT

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TWO MARRIAGES: "Relativity"
7.42 AZAN ISYAK
7.46 TWO MARRIAGES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 RENCANA KHAS: Expo Tsukuba '85 Bhg. 4
9.35 HUNTER: "The Beach Boy" The Beach Boy ialah seorang pembunuh upahan kepada seorang pengedar dadah terkemuka bernama Trader Man yang bermaharajalela membunuh pengedar-pengedar lain. Dee Dee dan Hunter mendapat tahu bahawa ada enam pengedar di L. A. sudahpun dalam lis pembunuhan Trader Man.
10.35 BUFFALO BILL
11.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 5 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 WORDS AND PICTURES
6.00 BERITA AWAL
6.05 WORLD ALIVE: "Highland Wildlife" Rancangan kali ini membuat penelitian kepada beberapa kehidupan yang memang banyak terdapat di Semenanjung Iberia, termasuk Royal Eagle.
6.25 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "India + USA"
6.30 AZAN MAGHRIB
6.40 A WHOLE WORLD OF CHILDREN — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVES: "Wayward Dreams" Cary membantu seorang gadis yang telah terjerumus dalam dunia porno Hollywood. Dengan bantuan Daisy, seorang lelaki ingin menemui satu keluarga yang pernah diciptanya melalui artificial insemination.
7.42 AZAN ISYAK
7.46 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 PREVIEW SUKAN BORNEO
9.35 DUNIA MINGGU INI
10.05 HAWAIIAN HEAT: "The Different Kind of Justice"
10.55 MEN ABOUT THE HOUSE
11.20 TAYANGAN GAMBAR: "Marva Collin's Story" Drama seorang guru yang mendapat pengakuan kebangsaan setelah berjaya memimpin penuntut-penuntut di Ghetto Chicago. Pelakon-pelakon Peter Levin, Cicely Tyson, Morgan Freeman, Roderick Wimberly, dll.
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 6 SEPTEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.55 WORLD OF ISLAM: "Islamic Cities"
1.25 ITALIAN SOCCER: "Roma vs. Inter" "Verona vs. Avilino"

**PETANG**

2.10 THE YEARLING: "Farewell Dear Friends"
2.30 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.00 KONONNYA: "Si Perawai"
3.20 E. R.
3.39 AZAN ASAR
3.43 E. R. — sambungan
3.55 KEMUNCAK SUKAN BORNEO
5.00 CHILDREN'S ISLAND
5.20 PROFILES OF NATURE
5.50 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000 — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.28 AZAN MAGHRIB
6.38 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 AIRWOLF: "One Way Express" Hawke dan Dominic bertelingkah mengenai siapa yang akan memandu satu penerbangan bahaya untuk penggambaran "stunt" bagi sebuah filem bertujuan melindungi satu rompakan.
7.40 AZAN ISYAK
7.45 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA SBC: "Timba-Timba Cinta" Bhg. I
10.00 KEMUNCAK SUKAN BORNEO
11.00 MAGNUM: "Fragments"
11.50 DALLAS: "Deeds And Misdeeds"
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 7 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER MOUSE
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "Occupation-Drivers"
6.28 AZAN MAGHRIB
6.38 CANDID CAMERA

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "Cest Simon" Bhg. 2
7.40 AZAN ISYAK
7.45 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 TAYANGAN GAMBAR MELAYU/ INDONESIA
10.35 KEMUNCAK SUKAN BORNEO
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 8 SEPTEMBER

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSIKAL: "Live Aid Concert"
12.23 AZAN ZUHUR
12.30 MUSIKAL — sambungan "Bhg. 2
1.10 TAYANGAN GAMBAR: "Escape From Alcatraz" Dipadankan dari kisah sebenar ketika banduan-banduan penjara Alcatraz melancarkan satu rusuhan untuk melepaskan diri dalam tahun 1962. Pelakon-pelakon: Donald Siegel, Clint Eastwood, Patrick MacGohan, Robert Blossoms, dan lain-lain.

**PETANG**

2.30 ALVIN AND THE CHIPMUNKS
3.20 BENSON: "Made In Hongkong"
3.30 TOMORROW'S WORLD
3.39 AZAN ASAR
3.45 TOMORROW'S WORLD — sambungan
4.00 TRAPPER JOHN MD: "Muddle Of The Knight"
5.00 CHILDREN'S SPECIAL: "St. Ursula's In Danger"
6.00 BERITA AWAL
6.05 321 CONTACT: "Space/Thursday"
6.25 CHARLES IN CHARGE: "Slumber Party"
6.28 AZAN MAGHRIB
6.33 CHARLES IN CHARGE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FLYING DOCTORS
7.40 AZAN ISYAK
7.44 THE FLYING DOCTORS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ANEKARIA
9.25 MYSTERIES, MYTHS AND LEGENDS
10.20 IT TAKES TWO
10.50 LACE II PT. I (Siri Baru) Menyambung kisah siri terdahulu ketika mana sex simbol Lili mencari ayahnya demi untuk menyelamatkan ibunya.
11.40 FOX MYSTERY THEATRE: "Tennis Court" Bhg. 2
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 9 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SMURFS: "The Tear Of A Smurf"
5.00 MIGHTY ORBOTS: "Leviathan"
5.30 SEA URCHIN
6.00 BERITA AWAL
6.05 IN SEARCH OF THE PAST: Greece — "Golden Age And Decline"
6.28 AZAN MAGHRIB
6.38 TEKA TEPAT

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING: "Odds On A Dead Pigeon"
7.40 AZAN ISYAK
7.45 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Kuih Daging Gulung" Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.30 GIVE US A CLUE
9.50 DOCUMENTARY: "African Hunter"
10.40 BERRENGER'S: "Dangerous Ground"
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 10 SEPTEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ALPHABET ZOO
5.00 AMATEUR NATURALIST: "Jam Jar Jungle"
5.30 THE LITTLES
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.28 AZAN MAGHRIB
6.38 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.40 AZAN ISYAK
7.45 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.30 REKASENI
10.00 MIKE HAMMER: "Death In The Family" Mike mendapati dirinya terlibat dalam satu "gang war" ketika mana salah seorang kawannya telah ditembak mati.
11.00 BRITISH OPEN SQUASH: Men's Over 35s
11.45 SIARAN TAMAT.



JELITAWAN bertiga akan dapat awda saksikan dalam siri LACE II bermula Ahad depan kira-kira jam 10.50 malam. Mereka dari kiri Arielle Dombasle (sebagai Maxine), Deborah Raffin (Lili) dan Brooke Adams (Pagan).

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

| | |
|---|---|
| 92.3 | mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong. |
| 93.8 | mHz bagi kawasan Tutong dan Belait. |

**GELOMBANG SEDERHANA**

| | |
|---|---|
| 675 | kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong. |
| 594 | kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait. |

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.45 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 4 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Seloka Merpati.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 5 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.30 — Nada Pedoman (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 6 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Muzika Tanahair, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Pertandingan Bintang Aslirama, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.30 — Bacaan Al-Quran, 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00—Suara Bintang-Bintang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Rampaian Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

## HARI SABTU 7 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.15 — Soalan Di Udara (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Suara Bintang-Bintang (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 8 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15—Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00—Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Sekitar Masyarakat, 2.30— Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.30 — Suara Kugiran, 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 9 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30— Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara Iskandar Jauhari, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 — Kuliah Ugama, (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 10 SEPTEMBER

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.45 — Radio Minggu Ini.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Petang.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silam, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 —Forum, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### WEDNESDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 37th Aldeburgh Festival: Two Horn Trios (side 1 of 3) |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | Talking About Music — 266/270 |

### THURSDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: A Special Occasion by Bill Naughton. |
| 9.30 | Jazz at The Questors: Gerge Melly with John Chilton's Feetwarmers Orchestra (Prog. 6 side 1 and 2) |

### FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Islam In Daily Life: Charity Tax In Islam — 3/13. |
| 11.15 | Light Music From The Netherland — 677. |
| 11.30 | Children's Half Hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | BBC Scottish Radio Orchestra — 6/6. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | My Music — 366/436. |
| 1.15 | Book Club: The Dream Women by Wilkie Collins — 3/3. |
| 1.30 | Just for variety by duty announcer. |
| 2.45 | Fifteen-Minute Theatre: Only The Lonely |
| 3.00 | Calling On You by Ak Hishamuddin. |
| 4.00 | Chinese Programmes. |
| 8.00 | Islam In Daily Life: Charity Tax In Islam—3/13 (repeat) |
| 8.15 | The World of Books. |
| 8.45 | Thirty-Minute Theatre: Return Visit by Dave Simpson |
| 9.30 | A Date with ...... (repeat) |

### SATURDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time |
| 8.30 | Animal, Vegetable Or Mineral — 37/46 |
| 9.00 | Light And Easy with the Billy Vaughan Orchestra |
| 9.30 | Top of The Pops — 1084. |

### SUNDAY

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Its All Yours produced by Ak. Hishamuddin |
| 11.30 | 37th Leith Lectures — An Interview |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | The Barry Forgie Big Band Sound with Salena Jones — 5/10. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week by Ideris Ali. |
| 1.00 | Top of The Pops — 1084 (repeat) |
| 1.30 | Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari |
| 2.30 | Just for variety by duty announcer. |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | 37th Reith Lectures — An Interview (repeat). |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Beautiful Music — 14/60. |
| 9.30 | Those Were The Days — 28. |

### MONDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: The Fall of the House of The Usher by Edgar Allan Poe |
| 8.45 | Shakespeare: The Actor's View—Prunella Scales talks about The Marry Wives of Windser |
| 9.30 | The Palm Court Trio—4/6. |

### TUESDAY

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jafar Yaakob. |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special: Fashion side 1. |

### DAILY

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana (relayed from the Malay Service) |
| 7.00 | Brunei's AM Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence. |
| 7.35 | Tide Times presented by Azizah Abdullah |
| 7.36 | Brunei's Am (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Friday and Sundays. |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Friday and Sundays. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Lunch Break (continued) Weather Forecast Brunei Darussalam In Reminiscence (repeat) |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursday. |
| 4.00 | Close for morning transmission of Fridays and Sundays. |
| 9.15 | News. |

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI MELESEN

a) (Di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bil.: 84/1985-1)

b) (Di Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

(Bil.: 84/1985-2)

**Tanggagaji :** C. 1-2 EB. 3— $1280-$2270 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan Higher National Certificate (HNC) dalam bidang yang bersesuaian.
ATAU

b) Lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran dalam Sijil Pelajaran Am Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya serta telah dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya 3 tahun dan ditetapkan dalam jawatan.
ATAU

c) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dengan Kerajaan dalam Bahagian IV yang mempunyai kelulusan yang rendah dari yang tersebut di atas serta telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai pengalaman dalam hal-hal memproses permohonan-permohonan bagi mendapatkan lesen kedai makan-minum restoran, jaja dan rampaian adalah juga dipertimbangkan.

2. PEMBANTU TEKNIK KANAN

(Di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

(Bil.: 84/1985-3)

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1,450-$2,270 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur tidak lebih dari 48 tahun.

b) Mempunyai City and Guild Full Technological Certificate in Electrical Power Engineering atau TEC Higher Certificate dalam Electronic/Kejuruteraan Perhubungan atau yang sebanding dengannya.
ATAU

c) Calon-calon yang tidak mempunyai mana-mana kelayakan akademik seperti yang disebutkan di (b) tetapi mempunyai pengalaman minima selama 5 tahun dalam jawatan Juruteknik Pemeliharaan Rendah atau yang sebanding dengannya dan boleh memperlihatkan kemajuan dalam pengkajian-pengkajian di peringkat lebih tinggi juga boleh dipertimbangkan.

3. PENOLONG PENSYARAH PERTANIAN

(Di Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan)

(Bil.: 84/1985-4)

**Tanggagaji :** C.2-3 EB.4— $1450-$2620 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 21 tahun.

b) i) Calon-calon hendaklah mempunyai kelulusan dalam bidang Pertanian (Agriculture) atau dalam bidang Sains Gunaan (Applied Sciences) dalam Kaji Hayat/Kaji Tumbuhan, diperingkat HNC/HND atau pun kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya;
ATAU

ii) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan di (b) di atas tetapi sebaliknya mempunyai kelulusan iktisas dalam bidang yang sama di peringkat OND atau pun yang sebanding dengannya dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam bidang Pendidikan Pertanian tidak kurang dari 5 tahun adalah juga layak untuk dipertimbangkan.

c) Mempunyai Sijil atau Diploma Pendidikan atau mendapat latihan pendidikan dalam bidang Pendidikan Pertanian atau pernah menghadiri kursus-kursus Pertanian di dalam atau pun di luar negeri;
ATAU

d) Calon-calon yang mempunyai kelayakan di (b)(i) dan (b)(ii) tetapi tidak mempunyai kelayakan di (c) tetapi mempunyai minat dan kecenderungan dalam bidang Pendidikan Pertanian, bolehlah juga dipertimbangkan.

Lain-lain Syarat Lantikan

Calon-calon yang berjaya dilantik ke jawatan Penolong Pensyarah Pertanian yang tidak mempunyai kelayakan Diploma Pendidikan atau tidak mendapat latihan dalam Pendidikan Pertanian, adalah dikehendaki untuk mendapatkannya (latihan pendidikan dalam Pendidikan Pertanian) dalam masa tempoh percubaannya, iaitu sebelum ditetapkan dalam jawatan. Untuk mendapatkan kelayakan ini, calon-calon yang dilantik bolehlah dibenarkan untuk mengikuti kursus, secara latihan dalam perkhidmatan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussslam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 25 September, 1985.

(E/1033/85)

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussa'am untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEMBANTU TEKNIK

(Di Pejabat Majlis-Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Perdana Menteri) (Bil.: 95/1985–1)

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) i) Lulus sekurang-kurangnya Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dalam aliran Inggeris atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang yang bersesuaian juga akan dipertimbangkan.

b) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai sesuatu kelulusan teknikal dalam bidang alat-alat perkakas "Audio" dan membaiki alat-alat tersebut.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Sebagai pembantu kepada Pembantu Teknik Kanan dan bertanggungjawab mengenai dengan alat-alat 'audio' seperti tape recorder di dalam Bangunan Dewan Majlis di mana terdapat Bilik-Bilik Persidangan, Bilik-Bilik Mesyuarat dan Bilik Persidangan di Istana, jentera hawa dingin dan lampu-lampu.

2) JURUTAYANG/PEMANDU

(Di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) Bil.: 95/1985–2)

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

a) i) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta telah dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun dalam bidang yang berkaitan serta mempunyai laporan penilaian yang memuaskan.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu.

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam kerja-kerja menjalankan mesin-mesin wayang gambar.

3) PEMBANTU TEKNIK PELATIH

(Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 95/1985–3)

**Tanggagaji :** D. 1-2 — $530-$820 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu kepujian di peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa (General Certificate of Education Ordinary Level) atau yang sebanding dengannya dalam mata pelajaran Ilmu Hisab atau Sains atau mata pelajaran yang bersesuaian.

ATAU

ii) Calon-calon yang terdiri dari pemegang jawatan-jawatan berikut di Jabatan Kerja Raya yang telah pun ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan-jawatan berkenaan sekurang-kurangnya selama 5 tahun, mempunyai pengalaman yang bersesuaian serta mempunyai laporan penilaian prestasi yang memuaskan:

1) Tukang Lukis
2) Pengawas Kecil
3) Tradesman Tingkat I
4) Treatment Plant Attendant Tingkat I

ATAU

iii) Calon-calon yang terdiri dari kakitangan-kakitangan open-vote atau bergaji hari yang mempunyai kelulusan seperti di (b) (i) di atas dan mempunyai pengalaman praktikal yang mencukupi dalam bidang-bidang yang bersesuaian seperti juruteknik awam, pembinaan, bangunan, mekanik atau akitek teknik serta mempunyai laporan penilaian prestasi yang memuaskan.

4) PELUKIS TINGKAT III

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 95/1985–4)

**Tanggagaji :** D. 2-3 EB. 4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pernah menduduki Tingkatan Lima.

b) Mempunyai kelulusan 'O' Level dalam mata pelajaran senilukis.

c) Berpengalaman dalam kerja-kerja membuat illustrasi buku dan senigrafik.

d) Dapat menunjukkan kerja-kerja yang dibuat sebagai bukti pengalaman.

5) OPERATOR MALAM LAKI-LAKI (TELEFON)

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan) (Bil.: 95/1985–5)

**Tanggagaji :** D. 2-3 EB. 4 — $650-$1465 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) i) Lulus sekurang-kurangnya Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

ii) Lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman tidak kurang dari 3 tahun sebagai seorang telefonis atau telefon operator dan sebaik-baiknya mengetahui peraturan panggilan antarabangsa juga akan dipertimbangkan.

b) Mestilah mempunyai kebolehan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 Oktober, 1985. (E/569/78)

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA

BIL.: 14/1985

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 September, 1985 bagi menjalankan perkhidmatan Kantin Sekolah Ugama Madewa.

2. Pemborong - pemborong yang berhajat pada mendapatkan penerangan-penerangan yang lebih lanjut mengenai perkara itu, maka Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan bolehlah dihubungi di sekolah tersebut semasa waktu sekolah sahaja.

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima sebarang tawaran-tawaran yang mahal atau seumpamanya.

## Tawaran Stor-Stor Dan Perbekalan Negara

BIL.: 27/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussa'am.

"PEMBEKALAN BATTERI"

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL.: 28/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

"PEMBEKALAN TYRE"

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbeka'an Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

BIL.: 29/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23 September, 1985 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam.

GALVANISED CONTINOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967 CLASS MEDIUM SCREWED AND SOCKETED ENDS IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BS: PROTECTED AGAINST DAMAGE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. : PPL/MTB/161/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF ELECTRICAL CEILING FANS, PEDESTAL (STAND) FANS, TABLE FANS & WALL FANS.

Tarikh tutup: 25 September, 1985.

Cengkeram: $300.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/162/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 11 September, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

NEW ELECTRICITY SUPPLY TO 4 ADDITIONAL CLASSROOM AND 12 UNITS CLASS "E" FLAT AT SEKOLAH MELAYU BENKURONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/163/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 18 September, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY TO KAMPONG LIMAU MANIS VIA 11KV AERIAL CABLE ON 35FT TUBULAR STEEL POLES.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/164/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 18 September, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

REINFORCEMENT OF 11KV SYSTEM TO SUNGAI AKAR GURKHA RESERVE UNIT VIA 11KV AERIAL CABLE ON 35FT TUBULAR STEEL POLES & STAY RODS ALONG NEW ROAD BETWEEN JALAN MUARA AND SUBOK.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/165/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 18 September, 1985 bagi kerja-kerja berikut: —

EXTENSION OF ELECTRICITY SUPPLY VIA L.T. OVERHEAD LINES (26 NOS. 28FT. POLES) AND INSTALLATION OF PACKAGE UNIT SUBSTATION AT JALAN TERUNJING, LAMBAK KIRI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis, pukul 3.00 petang di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

## JERUDONG PARK

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following vehicles and equipment to Jerudong Park.

1) 1 NO. LANDCRUISER STATION WAGON
   - a) Six cylinder petrol engine, not less than 4000 cc.
   - b) Long wheel base
   - c) Four wheel drive
   - d) Fitted with airconditioner
2) 2 NOS. LANDROVER
   - a) 4 cylinder petrol engine not less than 2500 cc.
   - b) Long wheel base
   - c) Four wheel drive
   - d) Hardtop roof
   - e) Fitted with airconditioner
3) 1 NO. AGRICULTURAL TRACTOR
   - a) 3 cylinder diesel engine — direct injection
   - b) Fitted with front end counter weights
   - c) Fitted with sunshade canopy
   - d) Fitted with hydraulic linkage for trailer.
4) 1 NO. AGRICULTURAL TRACTOR
   - a) Heavy duty 4 x 4
   - b) 4 cylinder direct injection OHV diesel engine
   - c) Fitted with air-conditioned safety cab
   - d) Fitted with balloon tyres
   - e) Fitted with hydraulic linkage for tailer.
5) 1 NO. WHEEL LOADER
   - a) Power shift transmission
   - b) 4-stroke-cycle, 3304 turbo charged diesel engine (4 cylinder) with 24V direct starting
   - c) Traction tyre-tubless, nylon-dozer design
   - d) Sunshade canopy
   - e) 3 in. yd. general purpose bucket c/w teeth.
6) 1 NO. 9-GANG MOWER
   - a) Standard 5-blade Blitzer Gang mower (frame combination)
   - b) 21' 2" width
   - c) Extra tow bar to be provided (same specification)

All vehicles are to be painted in Jerudong Park colours with the words "JERUDONG PARK" (not more than 4") on both sides and on the rear of the vehicle if appropriate.

Tenders should be sent in a plain envelope marked "Tender Transport and Machinery Jerudong Park". Tenders should be placed in the Tender Box situated on 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan not later than 1200 hours 16 September, 1985.

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama projek:

1.1 Bilangan tawaran: JKP/13/1985
KERJA-KERJA TANAH PERINGKAT II
RP/PN KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT.

1.2 Bilangan tawaran: JKP/14/1985
KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR PERINGKAT I
RP/PN BUKIT BERUANG, TUTONG.

2.0 Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam

mulai hari Rabu 4 hingga 21 September, 1985

3.0 Kelayakan Pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150.00 (lukisan) bagi tiap-tiap tawaran.

5.0 Tarikh tutup: Hari Isnin 23 September, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Syarat-syarat tawaran:

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat Empat,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan; dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 82 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 85AB/16605
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN SEKOLAH DAN RUMAH GURU-GURU, SEKOLAH MELAYU LUMUT, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: KB 83 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: MEMPERBAIKI BARIK DAN QTRS., UNTUK POLIS STESEN KUALA BELAIT, JKR 287, 503, 309 E 285 & 286.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 September, 1985.

Tarikh tutup: 16 September, 1985.
Cagaran tawaran: $600.00.

### BIL: KB 84 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: MENGGANTI, MEMPERBAIKI KEROSAKAN DAN MENCAT SEMULA POLIS QUARTERS DI BATU 4, JALAN SERIA/KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 September, 1985.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## *TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM*

### BIL: JKR 321 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja (Pemasang Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD406/0801
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN SEKOLAH MENENGAH KIUDANG DI JALAN KUALA ABANG, MUKIM KIUDANG, DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September,1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 322 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Pakar Kalis Air sahaja (Kelas "B" dan ke atas) untuk:

PROJEK No.: 85AB/10300
CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKI BAHAGIAN LUAR, MENCAT SEMULA DAN KALIS AIR UNTUK PAPAK BUMBUNG KONKRIT DI RUMAH PANGSA 4 BLOK KELAS 'C' YANG SEDIA ADA DI PERUMAHAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 September, 1985.

Tarikh tutup: 9 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 323 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14003
MEMASANG PAGAR KESELAMATAN DI BLOK PENTADBIRAN SEKOLAH MENENGAH AWANG SIMAUN, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 324 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/DTU001
MEMBINA RUMAH BURUH DI BATU 29 (DEKAT JAMBATAN TUTONG) DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 325 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13823
MEMBINA PAGAR KELILING BAGI KOMPLEKS PUSAT TINGKATAN ENAM, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 326 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA BANGUNAN BALAI POLIS DI LAMUNIN (PWD 164) TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 327 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL077
PEMBINAAN STOR BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN BENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 328 TAHUN 1985

TAWARAN tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong berkelayakan yang sesuai untuk:

PROJEK No.: 85AW/01800
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA PASANGAN PENGIKIS DAN LAIN-LAIN BINAAN YANG BERKAITAN DI STESEN KERJA PEMBUANGAN KUMBAHAN, KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 329 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan mana-mana pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AW/01800
MEMBEKALKAN BARANG-BARANG GANTI ELEKTRIK UNTUK STESEN PENGEPAM SALURAN NAJIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.

### BIL: JKR 330 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14200
PEMBINAAN DAN PENYIAPAN TIAP-TIAP SATU UNIT 2M X 2M X 8M DAN 2.5M X 2.5M X 8M PETI KALBAT KONKRIT TETULANG DI KAMPONG TAMOI SIMPANG JALAN KUBAH MAKAM DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 331 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14200
MEMBERSIHKAN DAN MENIMBUS TANAH BAGI CADANGAN LETAK KERETA DI KAMPONG TAMOI SIMPANG JALAN KUBAH MAKAM DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 332 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AW/00700
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CISTERMISER AUTO-FLASH VALVES.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 September, 1985.

Tarikh tutup: 11 September, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 333 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD406/1901
CADANGAN ASRAMA DI PUSAT TINGKATAN ENAM GADONG, PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September, 1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 334 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/19200
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DUA BUAH UNIT JAMBATAN JENIS BAILEY UNTUK JABATAN KERJA RAYA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September, 1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 335 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AR/14400
PEMBINAAN KONKRIT TEPI JALAN, PARIT KONKRIT TETULANG DAN SUMP DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 September, 1985.

Tarikh tutup: 23 September, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 336 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL035
PEMBINAAN KEDAI SEKOLAH UNTUK SEKOLAH RENDAH KERAJAAN PENGIRAN ANAK PUTERI BESAR DAN SEKOLAH RENDAH KERAJAAN DATO AHMAD KAMPONG AYER, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00, petang hari Sabtu 14 September, 1985.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 337 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900
MEMBAIKI, MENCAT SEMULA, MENGUBAH SUAI DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERSANGKUTAN DI RUMAH KERAJAAN PWD NO. 7 DI JALAN SUBOK, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 September, 1985.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 338 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal Am untuk:

PROJEK No.: 85AB/00800
MEMBEKALKAN:—

a) DAPUR GAS (JENIS SIMPAN ATAS MEJA) LENGKAP DENGAN KEPALA GAS DAN HOSE.

b) DAPUR GAS YANG DILENGKAPKAN DENGAN ALAT PEMBAKAR (OVEN TYPE) TERMASUK KEPALA GAS DAN HOSE.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 14 September, 1985.

Tarikh tutup: 18 September, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. a) PEMANDU KERETA TINGKAT I

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)
(Bil.: 108/1985–1)
**Tanggagaji** : F. 4-5 EB. 6 — $620-$790 sebulan.

b) PEMANDU TINGKAT I

(Di Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan) (Bil.: 108/1985–2)
**Tanggagaji** : F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama tiga tahun.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan

2. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT I

(Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan)
(Bil.: 108/1985–3)
**Tanggagaji** : F. 4-5 EB. 6 — $620-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah tidak kurang dari 18 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 4 tahun perkhidmatan yang diakui sebagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II.
b) Mestilah mempunyai pengetahuan yang luas terhadap perairan di Pelabuhan Muara dan Sungai Brunei serta Sungai Temburong.
c) Mestilah lulus satu Peperiksaan Ujian Kecekapan yang akan diadakan bagi Pemandu Motor Sangkut Tingkat I.

3. PENYAMBUT TETAMU/OPERATOR TELEFON

(Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan) (Bil.: 108/1985–4)
**Tanggagaji** : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Selain daripada menjadi Penyambut atau Operator, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

4. PENJAGA

(Di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri)
(Bil.: 108/1985–5)
**Tanggagaji** : F. 1-2 EB. 3 — $445-$590 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.
c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.
d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari sebagai Penjaga adalah diutamakan.

5. ATENDAN CLOAKROOM :

(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 108/1985–6)
**Tanggagaji** : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III Melayu atau yang sebanding dengannya.
b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (a), tetapi telah berkhidmat dengan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan secara bergaji hari selama lebih kurang 5 tahun juga akan dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kebersihan bilik tukar pakaian (cloakroom).

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Su.it dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 21 September, 1985 (E/1776/85)

## Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PELATIH TEKNIK

(Di Jabatan Telekom, Kementerian Perhubungan)
(Bil.: 105/1985–1)
**Tanggagaji** : D. 1 EB. 2 — $530-$820 sebulan.
Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun.
b) Pemohon-pemohon mestilah lulus Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa dalam aliran Inggeris dan mendapat kepujian dalam mata-mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan sama ada Fizik atau Sains Am atau yang sebanding dengannya.
c) Calon-calon yang berjaya akan diambil berkhidmat dengan percubaan selama 3 tahun. Dalam tempoh 2 tahun yang pertama calon-calon akan dikehendaki menjalani latihan Kejuruteraan Telekom di Brunei dan sesudah berjaya menamatkan latihan tersebut serta tertakluk kepada laporan-laporan yang memuaskan, calon-calon akan dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknik (Technical Officer) dengan gaji permulaan sebanyak $1,080.00 dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5-6— $900 945 990 1035 1080 1125 1225 1265 1305 1345 1385 1425 1465/EB/1505 1545 1585 1625 1665 1705 1745 1785.
d) Sekiranya calon-calon tidak berjaya menamatkan latihan selama 2 tahun itu pertimbangan mungkin akan diberi untuk mengekalkan ca'on-calon untuk berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Juruteknik (Technician) dalam sukatan gaji D.2-3 EB. 4-5 — $650 675 700 730 760 790 820 900 945 990 1035 1080 1125/EB/1225 1265 1305 1345 1385 1425 1465 1505 1545 1585 1625.
e) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang sedang berkhidmat sebagai Pelatih Teknik bergaji hari di Jabatan Telekom dan pernah menjalani latihan-latihan Kejuruteraan Telekom.

2. PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN III

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 105/1985–2)
**Tanggagaji** : D. 1-2-3 EB. 4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan khas dalam bidang teknik;
ATAU
b) Mempunyai kelulusan 2 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa (satu daripadanya mata pelajaran sains) atau yang sebanding dengannya serta mempunyai bakat dalam kerja-kerja teknik;
ATAU
c) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja teknik dan dapat menunjukkan akuan bekerja daripada majikannya

3. PEMBANTU MUZIUM

(Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 105/1985–3)
**Tanggagaji** : D. 1-2 EB. 3-4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur di antara 18 hingga 30 tahun.
b) i) Pemohon-pemohon mestilah lulus satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
ATAU
ii) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan telah berkhidmat di Pejabat Muzium sekurang-kurangnya selama 3 tahun di mana-mana bahagian.
c) Berminat dalam kerja-kerja luar (fieldwork) dan penyelidikan.
d) Seorang yang rajin, jujur dan amanah dalam menjalankan kerja-kerja yng diarahkan kepadanya.

4. PENGAWET BENTUK BINATANG DAN TAKAPAN

(Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 105/1985–4)
**Tanggagaji** : D. 3-4 EB. 5-6 — $900-$1785 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur di antara 18 hingga 25 tahun.
b) i) Lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dan boleh bertutur di dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Satu di antara kelulusan tersebut mestilah dalam mata pelajaran Lukisan/Kaji Hayat.
ATAU
ii) Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan telah berkhidmat sebagai Pembantu Pengawet Bentuk Binatang dan Takapan sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja Awet dan Takapan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

Akan bertugas di Bahagian Awet dan Takapan Jabatan Muzium Brunei untuk mengendalikan kerja-kerja pengawetan binatang, burung, kejadian alam semula jadi dan takapan batu-batu purba, tulang-tulang dan binatang yang ada hubungannya dengan pengumpulan contoh-contoh yang dibentukkan oleh Muzium Brunei.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan :**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat--surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 18 September, 1985. (E/710/72)

## TAWARAN BAGI MENGURUS KANTIN PERHENTIAN BAS KUALA BELAIT

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Pejabat Perbendaharaan Brunei, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada 16 September, 1985 kerana menguruskan Kantin Perhentian Bas Kuala Belait.

2. Tawaran-tawaran mestilah menyatakan sewa bulanan kerana menggunakan kantin tersebut dan hendaklah menjalankan kantin tersebut dengan memuaskan.

3. Pemborong yang berjaya mestilah membayar segala bayaran air dan elektrik yang digunakan.

4. Segala alat-alat perkakas yang diperlukan termasuk peti sejuk dan dapur hendaklah disediakan oleh pemborong sendiri.

5. Kantin ini hanya dibenarkan berjual minuman rengan dan kuih muih sahaja. Tidak dibenarkan menyediakan makanan dan masakan di tempat tersebut.

6. Tawaran ini akan berjalan bagi masa selama dua tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani.

7. Tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapi dan dialamatkan seperti perenggan 1 di atas dan mestilah ditulis dengan terang:

KANTIN PERHENTIAN BAS KUALA BELAIT.
Deposit sebanyak $200.00 hendaklah disertakan bersama.

8. Mestilah tidak ada sebarang tanda di luar sampul surat itu yang boleh mengenalkan nama pemborong dan tawaran-tawaran yang ditulis dengan tidak sempurna akan ditolak. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang disebutkan di atas juga akan ditolak.

9. Kantin tersebut boleh dilawat di Bangunan Perhentian Bas Kuala Belait.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

## GURKHA RESERVE UNIT TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon Monday 30 September, 1985 for two years fixed price running contract for:

"GRASS CUTTING AND DAILY DRAINS CLEANING GURKHA RESERVE UNIT, SUNGAI AKAR CAMP."

2. Details of works to be done may be obtained from Gurkha Reserve Unit Sungai Akar Camp.

3. The tender shall be submitted to the Chairman of Tenders Board and the envelope must be sealed and address to the Chairman of Tenders Board, Bandar Seri Begawan. The envelope must be marked:

TENDERS FOR GRASS CUTTING AND DAILY DRAINS CLEANING — GURKHA RESERVE UNIT, SUNGAI AKAR CAMP.

4. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelopes.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# BUKU PANDUAN METRIK AKAN DITERBITKAN

Oleh Zubaidah HS

BERAKAS. — Pemborong-pemborong di negara ini telah diseru agar dapat membiasakan diri berfikir dan bertindak dengan sistem metrik dengan mengikut keadaan dan keperluan negara yang ada pada masa ini.

Perkara ini telah ditegaskan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan ketika merasmikan Majlis Pelancaran Penggunaan Sistem Metrik dan pameran 'Berfikir Dalam Metrik' di lobi bangunan Kementerian Pembangunan di sini Sabtu lepas.

Penggunaan sistem ini, menurut Menteri Pembangunan telahpun diperkenalkan penggunaannya oleh jabatan-jabatan kerajaan bagi memenuhi keperluan-keperluan seharian di samping terdapat pegawai-pegawai tempatan dan luar yang berkhidmat di jabatan-jabatan teknikal Kementerian Pembangunan, telahpun menjalani latihan dan sistem metrik ini.

Memikirkan negara-negara di rantau ini telahpun menggunakan sistem metrik, maka Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya jelas Yang Dimuliakan Pehin berusaha untuk memperkenalkan sistem berkenaan kepada jabatan-jabatan di bawahnya dan pemborong-pemborong dalam perusahaan pembinaan.

### LANGKAH

Walaupun mungkin amat sukar bagi pemborong-pemborong menukar sistem yang ada dalam masa yang singkat, tetapi beliau berharap, penggunaan metrik ini akan dapat dilaksanakan secara meluas sesuai dengan sistem yang telahpun lumrah digunakan di negara-negara lain.

Bagi mengatasi kesukaran ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya, menurut Yang Dimuliakan Pehin, bercadang sebagai langkah permulaan dengan menerbitkan satu buku panduan mengenai sistem ini di samping akan mengadakan dialog-dialog lanjutan mengenai sistem ini dengan pihak-pihak konsultan dan pemborong-pemborong.

Cadangan tersebut, katanya dijangka akan diadakan selama setahun bagi membiasakan pegawai-pegawai dan pemborong-pemborong akan sistem ini dan seterusnya membolehkan sistem berkenaan diserapkan ke dalam sektor-sektor pemborongan di negara ini.

Seterusnya, dalam masa peralihan tersebut, Kementerian Pembangunan akan mengadakan 'Dual Notification' dalam dokumen-dokumen kontrak, lukisan reka bentuk dan spekifikasinya, tambah Yang Dimuliakan Pehin.

Menyentuh berkenaan dengan pameran 'Berfikir Dalam Metrik' yang dibuka selama empat hari di lobi bangunan kementerian tersebut, Yang Dimuliakan Pehin, Menteri Pembangunan memuji akan langkah-langkah Jabatan Kerja Raya atas usaha mereka menganjurkan pameran itu. Langkah dan usaha seumpama ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pembangunan bagi memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada orang ramai di negara ini, jelasnya.

### BUKU PENERANGAN

Di samping itu, beliau juga berharap, agar buku penerangan yang akan diterbitkan tidak lama lagi bagi kegunaan kerajaan dan orang ramai nanti akan memudahkan mereka membuat perhubungan-perhubungan yang tertentu dengan jabatan-jabatan pelaksana seterusnya mewujudkan perhubungan dua hala yang sihat.

Terdahulu sebelum ucapan perasmian oleh Yang Dimuliakan Pehin, Menteri Pembangunan, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Metrikasi JKR, Awang Zaini bin Haji Ali.

Antara yang hadir di majlis tersebut termasuklah Setiausaha Tetap Teknikal dan Setiausaha Tetap Pentadbiran Kementerian Pembangunan, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan serta pemborong-pemborong.



YDM Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Menteri Pembangunan, memotong pita sebagai tanda pembukaan rasmi pameran 'Berfikir Dalam Metrik'. Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

# 338 ORANG PESERTA AKAN SERTAI SEMINAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 338 orang dijangka akan menyertai Seminar Kefahaman Aqidah Ahli-Sunnah Wal-Jamaah yang akan berlangsung selama tiga hari bermula dari 16 hingga 29 September depan bertempat di Pusat Dakwah Islamiah di sini.

Dari jumlah tersebut seramai 48 orang terdiri dari ketua dan timbalan ketua jabatan kerajaan; 30 orang terdiri dari pegawai-pegawai pentadbir di kementerian-kementerian; 30 orang pegawai-pegawai kanan Jabatan Pelajaran; 11 orang pengetua-pengetua sekolah-sekolah menengah kerajaan; 71 orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama; 93 orang guru-guru besar dan ketua guru ugama termasuk perempuan dan 55 orang lainnya terdiri dari imam-imam.

Seminar yang bertemakan "Aqidah Ahli-Sunnah Teraju Penyelamat Umat" diadakan bersempena dengan pembukaan rasmi Pusat Dakwah Islamiah pada 16 September depan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika dijunjung ziarah oleh salah seorang anak yatim. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

# Kebawah D.Y.M.M. rai anak cacat

MUARA. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Sambutan Hari Raya Haji bagi orang-orang cacat dan anak-anak yatim di Istana Darul Aman pada petang Selasa lepas.

Kira-kira 400 orang telah hadir junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama ialah putera-puteri Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Azimah Nimatul Bolkiah.

Anak-anak cacat di jamuan itu telah ditemani oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan. Sementara anak-anak yatim dibawa bersama oleh ketua-ketua kampung masing-masing.

Doa selamat telah dibacakan oleh Imam Masjid Setia Ali.

# KURSUS ASAS PEGAWAI KASTAM BERAKHIR

BERAKAS. — Kira-kira 100 orang Pegawai Kastam dan Eksais yang baru berkhidmat dan belum ditetapkan telah menamatkan kursus asas selama tiga hari di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini, semalam.

Kursus itu bermula dengan upacara perasmian pada pagi Ahad, 1 September lalu yang disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Negara Brunei Darussalam.

Yang Amat Mulia ketika bersabda di upacara perasmian itu mengingatkan pegawai-pegawai yang baru berkhidmat supaya dapat menyesuaikan diri masing-masing dengan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Kursus asas yang diberikan, sabdanya lagi, ialah yang berupa kuliah yang berhubung dengan tugas masing-masing untuk memberi fahaman mengenai tugas dan peranan jabatan-jabatan keseluruhannya, memberi peluang bagi pegawai-pegawai yang baru berkhidmat berkenalan dengan pegawai-pegawai kanan, di samping memberi penerangan yang penting mengenai perlaksanaan kerajaan, disiplin dan sebagainya.

Tajuk-tajuk ceramah dalam kursus tersebut termasuklah mengenai dadah dan keselamatan, ekonomi dan perangkaan, disiplin dan kesejahteraan, urusan kastam dan juga ceramah berhubung dengan pengajaran dan prinsip ugama Islam.

Turut berucap di upacara perasmian itu ialah Pemangku Ketua Unit Latihan, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman. Kursus yang berupa projek latihan itu dianjurkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Unit Latihan Pejabat Perjawatan, Jabatan Perdana Menteri.




YANG Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, ketika bersabda merasmikan Kursus Asas Pegawai-Pegawai Kastam dan Eksais. Gambar oleh Ak. Bahar PHO.

# Hubungan Brunei — M'sia erat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Yang Berhormat Tengku Ahmad Rithaudeen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Malaysia sempena Hari Kebangsaan ke-28 negara tersebut pada 31 Ogos 1985.

Duli Yang Teramat Mulia dalam titah ucapannya telah melahirkan kegembiraan dan rasa puas hati dengan hubungan yang rapat lagi mesra serta kerjasama yang ikhlas dan jujur yang wujud antara Negara Malaysia dan Brunei Darussalam dan sentiasa berharap agar ianya akan dapat terus dipereratkan lagi di masa-masa yang akan datang bagi kepentingan bersama serta untuk kemajuan, kesejahteraan dan perpaduan di rantau ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah juga dengan penuh ikhlas mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia serta salam sejahtera bagi kemakmuran dan kemajuan Negara Malaysia.

# Lawatan Raja Nepal

Dari muka 1

Selain mengunjungi pelbagai tempat di rumah sakit tersebut, Duli Yang Maha Mulia Raja Birendra Bir Bikram Shah Dev, juga telah berkenan menanam sepohon pokok 'Royal Palm' di pekarangan rumah sakit sebagai kenangan lawatan Baginda.

Selepas itu, rombongan Diraja Nepal itu meneruskan lawatan mereka ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, di Jalan Residency.

Pada waktu yang sama Yang Berhormat Ranadhir Subba, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Pelajaran dan Kebudayaan bersama Setiausaha Luar, Tuan Bishwa Pradhan telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Pelawat Diraja itu juga berkesempatan melawat Muzium di Kota Batu, dan mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Nepal di negara ini bertempat di Istana Tetamu.

Rombongan Diraja Nepal itu berangkat meninggalkan Brunei Darussalam pada hari Ahad.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.